05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN PENDEKATAN MASTERI DALAM PENULISAN KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL

VASUMATHY A/P SUKUMARAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN PENDEKATAN MASTERI DALAM PENULISAN KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL

VASUMATHY A/P SUKUMARAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA TAMIL
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندидikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek	✓
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 26 (hari bulan) 12 (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar:

Saya, **Vasumathy A/P Sukumaran, M20241000486, Fakulti Bahasa dan Komunikasi** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Keberkesanan Pendekatan Masteri dalam Penulisan Karangan Perbahasan Bahasa Tamil** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Profesor Madya Dr.Kartheges A/L Ponniah** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Keberkesanan Pendekatan Masteri dalam Penulisan Karangan Perbahasan Bahasa Tamil** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Tamil.**

_____	_____
Tarikh	Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title* : **KEBERKESANAN PENDEKATAN MASTERI DALAM PENULISAN KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL**
No. Matrik /*Matric's No.* : **M20241000486**
Saya / I : **VASUMATHY A/P SUKUMARAN**

mengaku membenarkan Tesis/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD.**
   The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. */ Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. */ Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ *Signature of Student*)
Tarikh/*Date*: 26/12/2025

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinan-Nya, disertasi ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang saya hormati, Profesor Madya Dr.Kartheges A/L Ponniah, penyelia penyelidikan saya dia atas tunjuk ajar serta kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh menjadi penyelia dalam melaksanakan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah bahagian Bahasa Tamil, Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang memberi bimbingan dan panduan untuk melengkapkan disertasi ini dengan betul. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan negeri Pulau Pinang dan para guru bahasa Tamil Sekolah Menengah Kebangsaan negeri Pulau Pinang yang sudi mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Sekalung penghargaan juga kepada pengetua sekolah saya iaitu Dr.Asaithamby Ramayah yang sentiasa memberi dorongan untuk melanjutkan pelajaran. Tidak lupa juga rakan sekerja yang sentiasa bertolak ansur dalam melaksanakan kerja hakiki saya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu bapa tersaya, En.Sukumaran Krishnan dan Pn. Tamilselvi Subramaniam yang sentiasa mengirimkan doa buat saya mengharungi cabaran pengajian ini. Buat suami tersayang En. Baskar Munusamy, saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kerana sentiasa menemani perjalanan ini dan memberi dorongan di kala kesempitan masa. Buat anak-anak tersayang Khavinaya Baskar dan Pavaneethan Baskar, dalam menggapai sebuah kejayaan perlu ada pengorbanan. Semoga dengan kejayaan ibumu yang menamatkan Ijazah Sarjana menjadi inspirasi untuk kalian meneruskan cita-cita yang masih jauh. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN PENDEKATAN MASTERI DALAM PENULISAN KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL dalam meningkatkan kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan Bahasa Tamil dalam kalangan murid tingkatan lima. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan keperluan untuk menangani kelemahan murid dalam membina huraian yang mendalam, tersusun dan disokong dengan contoh yang relevan, sebagaimana dikenal pasti melalui amalan pengajaran sedia ada. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kaedah gabungan yang melibatkan data kualitatif dan kuantitatif. Seramai 15 orang murid tingkatan lima yang berada pada tahap pencapaian sederhana terlibat dalam kajian kuasi-eksperimen satu kumpulan pra dan pasca, manakala lima orang guru Bahasa Tamil ditemu bual secara separa berstruktur bagi mengenal pasti masalah utama penulisan karangan perbahasan. Intervensi pengajaran dilaksanakan selama lapan minggu menggunakan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL. Instrumen kajian merangkumi ujian pra dan ujian pasca, analisis dokumen penulisan murid serta temu bual guru. Dapatan kualitatif menunjukkan lima masalah utama murid, iaitu ketidakupayaan mengembangkan isi, kesukaran menyusun huraian mengikut format, kekurangan kosa kata, kegagalan memberikan contoh atau bukti sokongan serta kelemahan tatabahasa. Dapatan kuantitatif pula menunjukkan peningkatan skor min yang signifikan daripada 49.67% dalam ujian pra kepada 72.47% dalam ujian pasca, dengan peningkatan skor individu antara 21% hingga 25%. Analisis dokumen penulisan murid turut menunjukkan peningkatan yang jelas dari segi struktur perenggan, kedalaman huraian, penggunaan contoh yang lebih spesifik serta kesinambungan idea yang lebih koheren. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa gabungan pendekatan pembelajaran masteri dan teknik PEEL berkesan dalam meningkatkan kemahiran perkembangan isi karangan perbahasan secara sistematik dan berstruktur, sekali gus menyumbang kepada pengayaan amalan pedagogi penulisan Bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah.

Kata kunci: pembelajaran masteri, teknik PEEL, karangan perbahasan, perkembangan isi, Bahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE EFFECTIVENESS OF THE MASTERY LEARNING APPROACH IN TEACHING TAMIL ARGUMENTATIVE ESSAY WRITING

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the effectiveness of a Mastery Learning approach integrated with the PEEL technique in improving Form Five students' ability to elaborate ideas in Tamil argumentative essays. The study was conducted to address students' persistent weaknesses in producing well-developed, organised, and evidence-supported elaborations, as identified through existing instructional practices. A mixed-method design was employed, involving both qualitative and quantitative data. Fifteen Form Five students at a mid-level performance band participated in a one-group pre-test and post-test quasi-experimental study, while five Tamil language teachers were interviewed using semi-structured protocols to identify key challenges in argumentative essay writing. The instructional intervention was implemented over eight weeks using Mastery Learning guided by the PEEL technique. Research instruments included the pre-test and post-test, document analysis of students' written scripts, and teacher interviews. Qualitative findings revealed five major student problems: inability to elaborate paragraph content, difficulty organising elaboration according to an appropriate format, limited vocabulary, failure to provide relevant examples or supporting evidence, and weaknesses in grammar and sentence structure. Quantitative findings indicated a substantial increase in the mean score from 49.67% in the pre-test to 72.47% in the post-test, with individual improvements ranging from 21% to 25%. Document analysis further demonstrated clear improvements in paragraph structure, depth of elaboration, use of more specific examples, and more coherent idea flow. Overall, the findings confirm that integrating Mastery Learning with the PEEL technique effectively enhances students' ability to elaborate ideas in Tamil argumentative essay writing in a systematic and structured manner, thereby contributing to improved pedagogical practice for Tamil writing instruction at the secondary school level.
Keywords: Mastery Learning, PEEL technique, argumentative essay, idea elaboration, Tamil language

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN PELAJAR	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Menengah	2
1.2.2 Penulisan Karangan Bahasa Tamil	3
1.2.3 Pendekatan Pembelajaran Masteri dalam Pdpc	7
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Batasan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	13
	1.7.1 Kepentingan kepada Murid	13
	1.7.2 Kepentingan kepada guru-guru	14
	1.7.3 Kepentingan kepada sekolah	15
	1.7.4 Kepentingan kepada pengkaji akan datang	16
1.8	Definisi Operasional	17
	1.8.1 Pendekatan Pembelajaran Masteri	17
	1.8.2 Kemahiran Penulisan	18
	1.8.3 Karangan Perbahasan	19
	1.8.4 Teknik PEEL	20
1.9	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pendekatan Pembelajaran Masteri	24
2.3	Karangan Perbahasan	28
2.4	Karangan Bahasa Tamil	32
2.5	Jurang Kajian	35
2.6	Kesimpulan	37

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Sampel Kajian	41
	3.3.1 Sampel Pelajar	41
	3.3.2 Sampel Guru	42
3.4	Instrumen Kajian	42
	3.4.1 Instrumen Temubual	43
	3.4.2 Skrip Karangan Pelajar	44
	3.4.3 Panduan Pemarkahan Rasmi LP	45
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	47
	3.5.1 Temu Bual Separa Berstruktur	47
	3.5.2 Ujian Pra dan Pasca	47
	3.5.3 Data PdPc melalui Pendekatan Pembelajaran Masteri menggunakan Teknik PEEL	48
3.6	Prosedur Kajian	48
	3.6.1 Temubual	49
	3.6.2 Ujian pra	50
	3.6.3 Pelaksanaan PdPc Karangan Perbahasan melalui Pendekatan Pembelajaran Masteri menggunakan Teknik PEEL	51
	3.6.4 Ujian Pasca	55
3.7	Kaedah Analisis Data	56
	3.7.1 Analisis Data Kualitatif	56
	3.7.2 Analisis Data Kuantitatif	57
	3.7.3 Triangulasi Data	57

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Etika Kajian 58

3.9 Kesimpulan Bab 59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 61

4.1.1 Profil Responden Kajian 62

4.2 Dapatan Kualitatif 64

4.2.1 Latar Belakang Guru Temubual 64

4.2.2 Masalah Murid dalam Penulisan Karangan Perbahasan 65

4.3 Dapatan Kuantitatif 69

4.3.1 Dapatan Ujian Pra 69

4.3.2 Dapatan PdPc Berasaskan Pendekatan Pembelajaran Masteri 77

4.3.3 Dapatan Ujian Pasca 82

4.3.4 Perbandingan Ujian Pra dan Pasca 93

4.4 Rumusan 96

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan 98

5.2 Rumusan Dapatan Kajian 100

5.2.1 Rumusan Dapatan Temubual 100

5.2.2 Rumusan Dapatan Ujian Pra 102

5.2.3 Rumusan Dapatan Ujian Pasca 103

5.2.4 Rumusan Dapatan Analisis Dokumen Penulisan Murid 104

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.5 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian 106

5.3 Perbincangan 107

5.3.1 Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Masteri terhadap Penguasaan Kemahiran Mengembangkan Isi 108

5.3.2 Peranan Teknik PEEL dalam Struktur Perkembangan Isi 110

5.3.3 Peningkatan Keupayaan Menghasilkan Huraian dan Contoh Releven 112

5.3.4 Perubahan Keupayaan Berfikir Kritis dalam Pembinaan Huraian 114

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI GAMBAR

GAMBAR	TAJUK	HALAMAN
Gambar 4.1	Petikan Skrip Karangan Pelajar Ujian Pra Murid 12	73
Gambar 4.2	Petikan Skrip Karangan Pelajar Ujian Pra Murid 10	74
Gambar 4.3	Petikan Skrip Karangan Pelajar Ujian Pra Murid 2	75
Gambar 4.4	Petikan Skrip Karangan Pelajar Ujian Pasca Murid 3	85
Gambar 4.5	Petikan Skrip Karangan Pelajar Ujian Pasca Murid 15	88
Gambar 4.6	Petikan Skrip Karangan Pelajar Ujian Pasca Murid 4	90

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1.1	Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Tamil Sekolah Menengah	4
Jadual 3.1	Panduan Pemarkahan Karangan Perbahasan	45
Jadual 3.2	Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Masteri mengikut Minggu	54

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 3.1	Instrumen Kajian	43
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	49
Rajah 4.1	Taburan Jantina Pelajar Kajian	62
Rajah 4.2	Taburan Pengalaman Mengajar Guru bahasa Tamil	63
Rajah 4.3	Dapatan Ujian Pra Murid	70
Rajah 4.4	Carta garis skor min murid bagi ujian pra, lapan minggu PdPc dan ujian pasca	77
Rajah 4.5	Dapatan Ujian Pasca Murid	82
Rajah 4.6	Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca	94

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LP	Lembaga Peperiksaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcara
PEEL	Point, Explain, Evidence, Link

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Soalan Temu Bual Separa Berstruktur Guru Bahasa Tamil
B	Soalan Ujian Pra
C	Soalan Ujian Pasca
D	Peraturan Pemarkahan Karangan Perbahasan Spm

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Kajian ini bertajuk penggunaan pendekatan pembelajaran masteri dalam pengajaran karangan perbahasan bahasa Tamil. Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang merangkumi fenomena penulisan karangan dalam kalangan murid sekolah menengah. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan batasan kajian. Selain itu, kepentingan kajian juga dibincangkan dengan beberapa sub topik. Antaranya, kepentingan kepada murid, guru dan sekolah. Akhir sekali sumber kajian, definisi operasional, dan kesimpulan juga dibincangkan dalam bab pertama ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Menengah

Bahasa merupakan saluran utama yang membentuk kecekapan komunikasi dan menjadi asas penting dalam pendidikan moden. Selaras dengan tuntutan pendidikan abad ke-21, sistem pendidikan di Malaysia menekankan penguasaan pelbagai bahasa sebagai teras pembinaan modal insan yang seimbang dan berdaya saing, seiring dengan penekanan terhadap kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kebolehan berinteraksi dalam pelbagai konteks global (UNESCO, 2022; OECD, 2023). Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, justeru diberi penekanan besar dalam kurikulum. Pada masa yang sama, Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua secara formal dan menjadi mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah (DSKP, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Dalam kerangka pendidikan pelbagai aliran di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberi perhatian terhadap pengajaran bahasa ibunda pelbagai kaum seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Punjabi. Hal ini sejajar dengan usaha memelihara identiti budaya dan warisan linguistik masyarakat majmuk di negara ini. Dalam konteks ini, kajian ini memberi fokus khusus kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah.

Pengajaran bahasa Tamil di sekolah menengah merangkumi kelas Peralihan, tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Kurikulum bahasa Tamil menekankan penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di peringkat menengah rendah, fokus utama ialah penguasaan kemahiran asas bahasa, manakala di peringkat menengah atas, murid diperkukuh dengan kemahiran yang lebih mencabar bagi memenuhi keperluan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Di peringkat SPM, murid yang mengambil bahasa Tamil dalam SPM dinilai melalui tiga kertas iaitu kertas 1 (penulisan), kertas 2 (pemahaman, tatabahasa dan kesusasteraan) dan kertas 3 (ujian bertutur). Kertas 1 menilai kemahiran menulis murid termasuk penulisan karangan respons terbuka. Karangan perbahasan merupakan salah satu jenis karangan yang diberi penekanan dan membawa markah yang tinggi iaitu 70%. Justeru, penguasaan karangan perbahasan menjadi faktor penting dalam menentukan pencapaian keseluruhan murid dalam subjek ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.2 Penulisan Karangan Bahasa Tamil

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa yang paling mencabar kerana ia memerlukan murid menggabungkan aspek bahasa, pemikiran kritis, struktur teks dan kejelasan huraian. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil, kemahiran menulis dibina secara bertahap, bermula daripada pengenalan huruf, pembinaan perkataan, frasa dan ayat, kemudian berkembang kepada penulisan petikan dan karangan. Penguasaan di setiap peringkat amat penting untuk membolehkan murid menghasilkan penulisan yang matang dan teratur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di sekolah rendah, penulisan karangan bahasa Tamil biasanya diperkenalkan secara lebih sistematik bermula sekitar tahun empat. Apabila murid memasuki sekolah menengah, keperluan penulisan semakin meningkat dari segi bilangan patah perkataan dan tahap kerumitan tugasan. Pada peringkat kelas peralihan, murid menulis sekitar 130 patah perkataan, dan jumlah ini meningkat secara progresif sehingga tingkatan lima, di mana murid dikehendaki menulis karangan sekitar 250 patah perkataan bagi memenuhi kehendak SPM.

Jadual 1.1
Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Tamil Sekolah Menengah

Tingkatan	Standard Kandungan		Standard Pembelajaran
Peralihan	3.4 Menghasilkan pelbagai jenis penulisan	3.4.1 3.4.2 3.4.3 3.4.4 3.4.5 3.4.6	Menulis Surat Kiriman Rasmi dalam 130 patah perkataan Menulis perbualan dalam 130 patah perkataan Menulis karangan konseptual dalam 130 patah perkataan Menulis karangan imaginasi dalam 130 patah perkataan Menulis karangan huraian dalam 130 patah perkataan Menulis karangan perbahasan dalam 130 patah perkataan
Tingkatan 1	3.4 Menghasilkan pelbagai jenis penulisan	3.4.1 3.4.2 3.4.3 3.4.4 3.4.5	Menulis laporan dalam 140 patah perkataan Menulis surat kiriman tidak rasmi dalam 140 patah perkataan Menulis karangan jenis perbualan dalam 140 patah perkataan Menulis karangan ucapan perpisahan dalam 140 patah perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		3.4.6 3.4.7	Menulis karangan konseptual dalam 140 patah perkataan Menulis karangan imaginasi dalam 140 patah perkataan Menulis karangan jenis cerita dalam 140 patah perkataan
Tingkatan 2	3.4 Menghasilkan pelbagai jenis penulisan	3.4.8 3.4.9 3.4.10 3.4.11 3.4.12 3.4.13 3.4.14	Menulis laporan dalam 160 patah perkataan Menulis Surat Kiriman Rasmi dalam 160 patah perkataan Menulis surat kiriman tidak rasmi dalam 160 patah perkataan Menulis karangan jenis perbualan dalam 160 patah perkataan Menulis karangan konseptual dalam 160 patah perkataan Menulis karangan imaginasi dalam 160 patah perkataan Menulis karangan jenis cerita dalam 160 patah perkataan
Tingkatan 3	3.4 Menghasilkan pelbagai jenis penulisan	3.4.15 3.4.16 3.4.17 3.4.18 3.4.19 3.4.20	Menulis laporan dalam 180 patah perkataan Menulis Surat Kiriman Rasmi dalam 180 patah perkataan Menulis karangan jenis ucapan penghargaan dalam 180 patah perkataan Menulis karangan konseptual dalam 180 patah perkataan Menulis karangan jenis huraian dalam 180 patah perkataan Menulis karangan jenis perbahasan dalam 180 patah perkataan
Tingkatan 4	3.4 Menghasilkan pelbagai jenis penulisan	3.4.21 3.4.22 3.4.23 3.4.24 3.4.25 3.4.26 3.4.27	Menulis laporan dalam 220 patah perkataan Menulis karangan jenis wawancara dalam 220 patah perkataan Menulis karangan konseptual dalam 220 patah perkataan Menulis karangan jenis huraian dalam 220 patah perkataan Menulis karangan jenis perbahasan dalam 220 patah perkataan Menulis karangan berbentuk deskriptif dalalm 220 patah perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		3.4.28	Menulis karangan jenis ucapan berdasarkan tajuk dalam 220 patah perkataan Menulis karangan jenis cerita dalam 220 patah perkataan
Tingkatan 5	3.4 Menghasilkan pelbagai jenis penulisan	3.4.29 3.4.30 3.4.31 3.4.32 3.4.33 3.4.34 3.4.35 3.4.36	Menulis karangan konseptual dalam 250 patah perkataan Menulis karangan jenis huraian dalam 250 patah perkataan Menulis karangan jenis perbahasan dalam 250 patah perkataan Menulis karangan berbentuk deskriptif dalalm 250 patah perkataan Menulis karangan jenis ucapan berdasarkan tajuk dalam 250 patah perkataan Menulis karangan jenis perbualan dalam 250 patah perkataan Menulis laporan tahunan dalam 250 patah perkataan Menulis karangan jenis cerita dalam 250 patah perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Sumber: DSKP Bahasa Tamil Tingkatan 1 – 5, KPM, 2018)

Standard kandungan dan standard pembelajaran bagi kemahiran menulis dalam DSKP Bahasa Tamil (DSKP, KPM, 2018) menjelaskan jenis karangan serta bilangan patah perkataan yang perlu dihasilkan oleh murid sekolah menengah. Jadual khusus yang menghuraikan standard penulisan karangan menunjukkan bahawa jumlah patah perkataan bagi tugasan karangan meningkat selari dengan peningkatan tingkatan. Pada peringkat SPM, karangan respons terbuka bahagian B memerlukan penulisan sekurang-kurangnya 250 patah perkataan.

Karangan perbahasan, yang menjadi fokus kajian ini, telah diperkenalkan kepada murid bukan sahaja di tingkatan 5, malah sejak tingkatan 3 dan tingkatan 4 lagi. Ini bermakna kemahiran menulis karangan perbahasan sepatutnya dibina secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berperingkat dan berterusan. Namun, berdasarkan pemerhatian dalam bilik darjah, sebilangan besar murid masih menghadapi kesukaran untuk mengembangkan isi, menyusun huraian serta mengemukakan contoh yang relevan dan mantap. Keadaan ini membimbangkan kerana karangan perbahasan merupakan antara pilihan murid dalam kertas 1 Bahasa Tamil SPM dan memberi sumbangan markah yang besar kepada prestasi mereka.

1.2.3 Pendekatan Pembelajaran Masteri dalam PdPc

Pendekatan pembelajaran masteri mula diperkenalkan oleh Benjamin S. Bloom pada tahun 1968 sebagai satu strategi pengajaran yang memberi penekanan kepada penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu kemahiran atau pengetahuan sebelum murid dibenarkan beralih ke topik yang seterusnya (Bloom, 1968). Asas utama pendekatan ini ialah keyakinan bahawa hampir semua murid mampu mencapai tahap penguasaan yang baik sekiranya mereka diberikan masa pembelajaran yang mencukupi, kaedah pengajaran yang sesuai dan bimbingan yang sistematik.

Dalam konteks pendidikan semasa, pendekatan pembelajaran masteri telah diaplikasikan dalam pelbagai mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan bahasa. Pelaksanaannya lazim melibatkan penggunaan modul pengajaran berstruktur, latihan berperingkat dan penilaian berasaskan penguasaan hasil pembelajaran. Pendekatan ini juga selari dengan dasar pendidikan negara yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid, pembinaan kemahiran asas secara mendalam serta pentaksiran berterusan melalui pelaksanaan KSSR dan KSSM (DSKP, KPM, 2018). Dapatan laporan antarabangsa juga menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu meningkatkan kefahaman mendalam dan kualiti pembelajaran murid apabila dilaksanakan secara sistematik (Education Endowment Foundation, 2024).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan sokongan dan komitmen guru dari segi perancangan pengajaran, penyediaan bahan yang sesuai, pengurusan masa serta pemantauan berterusan ke atas kemajuan murid. Dalam pengajaran bahasa Tamil, khususnya kemahiran menulis karangan perbahasan, pendekatan ini masih belum diteroka secara meluas dan sistematik. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menilai sejauh mana pendekatan pembelajaran masteri dapat membantu murid menguasai kemahiran menulis karangan perbahasan bahasa Tamil, di samping mengenal pasti cabaran praktikal yang dihadapi guru apabila mengaplikasikan pendekatan ini di bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Karangan perbahasan merupakan komponen penting dalam kertas 1 bahasa Tamil SPM dan menyumbang peratusan markah yang tinggi tetapi murid sekolah menengah masih berhadapan dengan pelbagai masalah dalam menguasai kemahiran ini. Pemerhatian dalam bilik darjah serta maklum balas guru menunjukkan bahawa murid kerap menghadapi kesukaran mengembangkan isi, menyusun huraian secara sistematik serta menggunakan contoh atau bukti yang sesuai bagi menyokong pendirian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian-kajian terkini turut menyokong pemerhatian ini. Penyelidikan oleh Saprina, Rosyid dan Suryanti (2021) dalam Journal of English Teaching and Linguistics Studies mendapati bahawa pelajar mengalami kesukaran menjana dan mengembangkan idea dalam penulisan esei berbentuk argumentatif. Selari dengan dapatan ini, kajian oleh Baharudin et al. (2023) dalam International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences melaporkan bahawa pelajar ESL menghadapi pelbagai cabaran semasa proses penulisan, termasuk kelemahan dalam perancangan idea, penyusunan perenggan dan pembinaan koherensi penulisan. Tung et al. (2024) melalui kajian kes yang diterbitkan dalam International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development pula memaparkan isu seperti kekangan idea, masalah motivasi serta kegagalan memenuhi matlamat penulisan sebagai faktor utama yang menjejaskan kualiti esei murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah pula, dapatan kajian oleh Mamat et al. (2021) dalam International Journal of Education and Training menunjukkan bahawa guru turut berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam membimbing pelajar menulis karangan secara berkesan, termasuk kekangan masa PdP, tahap penguasaan bahasa pelajar yang lemah serta kelemahan dalam aspek pembinaan struktur ayat dan perenggan. Bagi penulisan bahasa Melayu pula, Amir dan Shaid (2025) yang diterbitkan dalam International Journal of Education, Psychology and Counseling mendapati bahawa murid berdepan masalah seperti kosa kata yang terhad, kelemahan tatabahasa serta kegagalan mengembangkan idea secara mendalam dalam penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa masalah penulisan karangan bukan hanya terhad kepada satu bahasa, sebaliknya merupakan fenomena umum dalam kalangan murid yang mempelajari bahasa kedua atau ketiga. Namun begitu, bagi murid yang mengambil bahasa Tamil di sekolah menengah, khususnya yang menjadikan bahasa ini sebagai subjek tambahan atau elektif, kajian empirikal yang khusus meneliti isu penulisan karangan perbahasan serta keberkesanan intervensi pedagogi masih terhad.

Justeru, jurang ini mendorong pelaksanaan kajian ini bagi mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi murid tingkatan lima dalam penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil, khususnya dari aspek perkembangan isi, penyusunan huraian dan penggunaan bukti sokongan, di samping menilai keberkesanan gabungan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik PEEL (Point, Explain, Evidence, Link) dalam membantu murid mengatasi kelemahan tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1) Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan.
2) Melaksanakan PdPc karangan perbahasan melalui pendekatan pembelajaran masteri dengan menggunakan teknik PEEL.
3) Menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam menyelesaikan masalah mengembangkan isi karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Berikut merupakan beberapa persoalan kajian yang akan dijawab melalui kajian ini:

1) Apakah tahap pencapaian murid dalam penulisan karangan perbahasan?
2) Apakah kandungan PdPc karangan perbahasan melalui pendekatan pembelajaran masteri dengan menggunakan teknik PEEL?
3) Sejauh manakah pendekatan pembelajaran masteri berkesan dalam menyelesaikan masalah mengembangkan isi karangan perbahasan?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil dalam kalangan murid sekolah menengah. Fokus kajian diberikan kepada murid tingkatan lima di sebuah sekolah menengah terpilih di negeri Pulau Pinang. Pemilihan murid tingkatan lima adalah sejajar dengan keperluan peperiksaan SPM yang memberi penekanan ketara kepada kemahiran menulis karangan perbahasan dalam bahasa Tamil kertas 1.

Dari segi kandungan, kajian ini memfokuskan kepada kemahiran menulis berdasarkan Standard Kandungan 3.4 iaitu menghasilkan pelbagai jenis penulisan, dengan penekanan khusus terhadap penulisan karangan perbahasan. Kajian ini hanya mengaplikasikan pendekatan pembelajaran masteri sebagai intervensi pengajaran untuk menilai kesannya terhadap perkembangan isi karangan murid. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak merangkumi perbandingan dengan pendekatan pengajaran lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari sudut reka bentuk, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pelaksanaan temubual guru bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi dan pendekatan kuantitatif melalui pelaksanaan ujian pra dan pasca bagi menilai pencapaian murid. Saiz sampel melibatkan sekumpulan murid yang dipilih berdasarkan kebolehcapaian serta kesesuaian dengan konteks kajian. Sehubungan itu, dapatan kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada populasi lebih besar, sebaliknya memberi tumpuan kepada pemahaman mendalam terhadap keberkesanan intervensi di dalam bilik darjah sebenar.

Tempoh kajian adalah selama lapan minggu, dengan pelaksanaan sesi pembelajaran berasaskan pendekatan pembelajaran masteri selama dua jam seminggu. Sesi ini dijalankan di luar waktu jadual rasmi sekolah bagi mengelakkan gangguan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Intervensi dilaksanakan oleh seorang guru bahasa Tamil, manakala seramai lima orang guru bahasa Tamil lain terlibat sebagai responden temu bual bagi mendapatkan pandangan, pengalaman dan penilaian profesional terhadap mengenal pasti masalah yang dihadapi.

Selain itu, kajian ini hanya melibatkan murid yang mengikuti mata pelajaran bahasa Tamil. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak mewakili murid daripada aliran bahasa lain. Walau bagaimanapun, batasan ini tidak menjejaskan tujuan utama kajian iaitu menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam membantu murid tingkatan lima mengatasi masalah perkembangan isi dalam penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian bertajuk keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Tamil ini memberikan kesan yang signifikan kepada murid, guru, pihak sekolah serta pengkaji pada masa hadapan. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di sekolah menengah, khususnya dalam komponen penulisan karangan perbahasan.

1.7.1 Kepentingan kepada Murid

Kajian ini memberi manfaat secara langsung kepada murid, khususnya murid tingkatan lima yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran karangan perbahasan. Melalui pendekatan pembelajaran masteri, murid dibimbing untuk menguasai kemahiran menulis secara berperingkat, sistematik dan berpandukan hasil pembelajaran yang jelas. Murid tidak dipaksa bergerak ke topik baharu selagi mereka belum benar-benar menguasai kemahiran yang diajar, sebaliknya diberi ruang untuk pengukuhan dan pemulihan.

Pendedahan terhadap teknik PEEL (*Point, Explain, Evidence, Link*) sebagai strategi perkembangan isi turut membantu murid menghasilkan perenggan yang lebih tersusun, jelas dan berasaskan huraian serta bukti yang relevan. Masalah murid yang sebelum ini cenderung menyenaraikan isi tanpa huraian atau contoh yang mantap dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikurangkan. Secara tidak langsung, kualiti penulisan mereka dijangka meningkat, terutama dari segi kejelasan huraian dan koherensi perenggan.

Pendekatan pembelajaran masteri juga membenarkan murid belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing. Murid yang lemah berpeluang menerima bimbingan tambahan dan latihan pengukuhan, manakala murid yang lebih berkeupayaan dapat diberikan tugasan pengayaan. Keadaan ini bukan sahaja berpotensi meningkatkan pencapaian akademik, malah turut menyumbang kepada peningkatan motivasi dan keyakinan diri murid dalam menulis karangan perbahasan. Memandangkan karangan bahagian B membawa peratusan markah yang besar dalam bahasa Tamil kertas 1 SPM, penguasaan kemahiran ini boleh memberikan kesan positif yang besar terhadap keputusan peperiksaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Kepentingan kepada Guru-Guru

Bagi guru-guru bahasa Tamil, kajian ini menyediakan panduan praktikal mengenai bagaimana pendekatan pembelajaran masteri boleh diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran menulis, khususnya karangan perbahasan. Dapatan kajian ini membantu guru memahami dengan lebih jelas masalah sebenar yang dihadapi murid dalam perkembangan isi dan penyusunan huraian. Pengetahuan ini membolehkan guru merancang strategi pengajaran yang lebih terancang, berfokus dan berpusatkan keperluan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, melalui dapatan kajian, guru boleh menilai semula keberkesanan amalan pengajaran sedia ada dan membuat penambahbaikan berdasarkan bukti empirikal. Guru dapat melihat bagaimana latihan berperingkat, pentaksiran formatif dan aktiviti pemulihan berstruktur dapat meningkatkan kualiti penulisan murid. Pendekatan ini juga boleh disesuaikan dalam pengajaran kemahiran bahasa lain seperti membaca, bertutur, mendengar dan tatabahasa, bergantung kepada kesesuaian konteks. Guru turut berpeluang menjadikan pendekatan pembelajaran masteri sebagai alternatif kepada kaedah pengajaran tradisional yang terlalu berpusatkan guru dan bersifat "chalk and talk". Dengan itu, guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran, mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih aktif dan melibatkan murid secara langsung dalam proses pembinaan ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Kepentingan kepada Sekolah

Dari sudut sekolah, dapatan kajian ini boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi murid dalam mata pelajaran bahasa Tamil, khususnya komponen penulisan karangan. Peningkatan kualiti karangan perbahasan yang dihasilkan oleh murid berpotensi meningkatkan keputusan keseluruhan peperiksaan SPM bagi subjek bahasa Tamil. Secara tidak langsung, hal ini dapat memberi impak positif kepada imej akademik sekolah.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan asas kepada pelaksanaan inovasi pengajaran di peringkat sekolah. Pendekatan pembelajaran masteri yang didapati berkesan boleh dikembangkan ke mata pelajaran lain dan dijadikan salah satu amalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baik. sekolah dalam usaha memperkukuh budaya pembelajaran berkesan. Pihak pentadbir sekolah juga boleh mempertimbangkan untuk memasukkan elemen pembelajaran masteri dalam perancangan strategik sekolah, khususnya dalam program peningkatan pencapaian akademik.

1.7.4 Kepentingan kepada Pengkaji Akan Datang

Dari sudut akademik, kajian ini memberikan sumbangan kepada pengetahuan sedia ada dalam bidang pendidikan bahasa, khususnya yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran menulis dan penggunaan pendekatan pembelajaran masteri dalam konteks bahasa Tamil. Kajian ini menyediakan gambaran jelas tentang pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri dalam pengajaran karangan perbahasan, di samping menghuraikan masalah sebenar yang dihadapi murid di bilik darjah.

Dari aspek metodologi, kajian ini boleh dijadikan rujukan dari segi reka bentuk, kaedah pengumpulan data, teknik analisis serta penggunaan instrumen seperti temubual, ujian pra, ujian pasca dan analisis dokumen penulisan. Pengkaji akan datang boleh menambah baik atau mengubah suai reka bentuk kajian ini mengikut konteks, kumpulan sasaran dan objektif kajian mereka. Selain itu, kajian lanjutan boleh dijalankan untuk membandingkan pendekatan pembelajaran masteri dengan pendekatan lain atau mengkaji kesannya dalam jangka masa yang lebih panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional berfungsi untuk memberikan pengertian khusus terhadap konsep-konsep utama yang digunakan dalam kajian ini supaya istilah tersebut difahami secara konsisten dalam konteks penyelidikan. Dalam kajian bertajuk keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Tamil ini, beberapa istilah utama diberi definisi. Antaranya, pendekatan pembelajaran masteri, kemahiran penulisan, karangan perbahasan dan teknik PEEL.

1.8.1 Pendekatan Pembelajaran Masteri

Pendekatan pembelajaran masteri dalam kajian ini merujuk kepada satu pendekatan pengajaran dan pemudahcaraan yang berfokus kepada penguasaan murid terhadap sesuatu hasil pembelajaran sebelum mereka beralih ke hasil pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini memberi ruang kepada guru untuk memantau, membina dan memperbaiki cara murid memahami dan menyusun idea dalam pemikiran mereka sejak peringkat awal. Selain penguasaan kandungan, pendekatan ini juga dikaitkan dengan peningkatan sikap, minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran (Cornell, 2024).

Dalam konteks kajian ini, pendekatan pembelajaran masteri didefinisikan sebagai pendekatan pengajaran yang memastikan semua murid mencapai tahap penguasaan minimum yang telah ditetapkan bagi sesuatu topik sebelum mereka dibenarkan bergerak ke topik berikutnya. Murid yang belum mencapai tahap tersebut akan menerima bimbingan tambahan, latihan pengukuhan atau aktiviti pemulihan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala murid yang telah menguasai kandungan diberikan tugasan pengayaan (Cornell, 2024).

Pendekatan ini juga melibatkan pemecahan kandungan pembelajaran kepada topik-topik kecil yang jelas dan tersusun. Murid hanya maju ke topik yang seterusnya setelah menunjukkan penguasaan terhadap topik semasa melalui pentaksiran yang dijalankan. Dalam kajian ini, pendekatan ini diaplikasikan secara khusus dalam pengajaran kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan seperti yang disarankan oleh Education Endowment Foundation (2024).

1.8.2 Kemahiran Penulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, kemahiran penulisan didefinisikan sebagai keupayaan murid untuk menyampaikan idea, huraian dan maklumat secara jelas, relevan dan sejajar dengan kehendak tugasan penulisan. Kemahiran ini merangkumi kebolehan memenuhi objektif penulisan yang ditetapkan dari segi kejelasan idea, ketepatan bahasa serta organisasi teks seperti yang dihuraikan oleh Cambridge Assessment English (2023).

Kemahiran penulisan juga meliputi keupayaan menyusun teks secara tersusun dan sistematik dengan menggunakan perenggan yang logik, sesuai dengan tujuan dan khalayak pembaca. Dalam konteks kajian ini, kemahiran penulisan merangkumi penggunaan bahasa yang tepat, pelbagai dan bebas daripada kesalahan tatabahasa serta kosa kata. Gaya penulisan perlu memenuhi ciri jenis karangan perbahasan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan huraian yang bernas, penggunaan bukti serta kesimpulan yang meyakinkan.

Penggunaan rubrik penilaian pula dilihat sebagai alat penting bagi membantu murid menilai semula penulisan mereka sendiri dan membuat penambahbaikan. Dalam kajian ini, rubrik penilaian digunakan bagi memastikan penilaian kemahiran penulisan murid dilaksanakan secara lebih objektif, konsisten dan selaras dengan format penilaian hujahan seperti yang ditegaskan oleh National Council of Teachers of English (2021) serta kajian empirikal oleh Ozfidan (2022).

1.8.3 Karangan Perbahasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karangan perbahasan dalam kajian ini merujuk kepada sejenis karangan berformat huraian yang bertujuan membincangkan sesuatu isu dengan mengemukakan pendirian tertentu yang disokong oleh huraian dan bukti relevan. Secara umum, karangan perbahasan mempunyai struktur asas yang terdiri daripada pendahuluan, beberapa perenggan isi yang mengandungi huraian utama serta penutup yang merumuskan pandangan penulis selari dengan kerangka pemikiran kritikal yang dihuraikan oleh OECD (2023).

Dalam penilaian karangan perbahasan, beberapa kriteria diberi perhatian, antaranya kejelasan dan kekuatan huraian, penggunaan bukti yang kukuh, keupayaan mempertimbangkan pandangan bertentangan serta kemampuan menyusun idea secara logik dan sistematik. Karangan perbahasan dianggap berjaya apabila huraian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan bersifat bernas, teratur dan meyakinkan pembaca. Skor yang tinggi lazimnya diberikan apabila karangan menunjukkan kedalaman analisis, kekukuhan huraian dan kecekapan penggunaan bahasa seperti yang diperincikan dalam kajian rubrik oleh Ozfidan (2022).

Dalam konteks kajian ini, karangan perbahasan merujuk kepada karangan yang ditulis oleh murid tingkatan lima Bahasa Tamil SPM mengikut format, rubrik pemarkahan dan kehendak soalan peperiksaan yang sebenar.

1.8.4 Teknik PEEL

Teknik PEEL dalam kajian ini ditakrifkan sebagai satu strategi penulisan perenggan yang membantu murid membina perenggan isi yang tersusun, fokus dan koheren. Akronim PEEL merujuk kepada empat komponen utama iaitu Point, Explain, Evidence dan Link. Teknik ini selari dengan prinsip penulisan hujahan yang menekankan kejelasan idea, sokongan bukti serta kesinambungan huraian seperti yang digariskan dalam penilaian penulisan oleh National Council of Teachers of English (2021) dan Ozfidan (2022).

1.8.4.1 P = Point (Ayat Topik)

Point merujuk kepada ayat topik iaitu ayat pertama dalam perenggan yang menyatakan isi atau huraian utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.4.2 E = Explain (Penjelasan)

Explain ialah bahagian yang menghuraikan isi utama secara lebih terperinci, logik dan tersusun bagi membantu pembaca memahami maksud dan kepentingan isi yang dikemukakan.

1.8.4.3 E = Evidence (Contoh / Bukti)

Evidence merujuk kepada contoh atau bukti yang dikemukakan untuk menyokong isi sama ada dalam bentuk fakta, data, hasil kajian, pengalaman atau situasi yang relevan.

1.8.4.4 L = Link (Ayat Penegas)

Link merujuk kepada ayat penegas yang menghubungkan semula isi perenggan dengan tajuk karangan secara keseluruhan dan mengaitkan perenggan tersebut dengan perenggan seterusnya.

Dalam kajian ini, teknik PEEL digunakan sebagai rangka kerja yang jelas untuk membimbing murid membina perenggan isi karangan perbahasan. Penggunaan teknik ini diharapkan dapat membantu murid mengelakkan penulisan yang bercampur aduk, tidak fokus serta tidak mempunyai kesinambungan idea, khususnya dalam penulisan hujahan berasaskan rubrik dan bukti (Ozfidan, 2022; NCTE, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab 1 ini telah menghuraikan asas dan kerangka utama kajian yang dijalankan. Bab ini bermula dengan pengenalan konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di sekolah menengah serta kepentingan kemahiran menulis karangan, khususnya karangan perbahasan. Seterusnya, pendekatan pembelajaran masteri diperkenalkan sebagai kerangka pedagogi yang menjadi asas intervensi dalam kajian ini.

Pernyataan masalah telah menjelaskan isu sebenar yang dihadapi murid dalam penulisan karangan perbahasan, manakala objektif dan persoalan kajian digariskan untuk membimbing keseluruhan penyelidikan. Batasan dan kepentingan kajian pula menerangkan skop, fokus serta implikasi kajian kepada pelbagai pihak, termasuk murid, guru, sekolah dan pengkaji akan datang. Akhir sekali, definisi operasional bagi istilah-istilah utama memastikan keseragaman kefahaman dalam keseluruhan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan sorotan literatur daripada pelbagai aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian, khususnya berhubung dengan penggunaan pendekatan pembelajaran masteri dalam pengajaran serta kemahiran penulisan karangan. Perbincangan meliputi kajian-kajian lepas yang meneliti keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri, penulisan esei atau karangan perbahasan, karangan bahasa Tamil serta pendekatan pengajaran yang berfokus kepada perkembangan isi.

Sorotan literatur ini bertujuan menghuraikan dapatan kajian lepas secara akademik, membuat perbandingan antara pelbagai pendekatan pengajaran, serta mengenal pasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompongan yang masih wujud dalam penyelidikan sedia ada. Kelompongan inilah yang menjadi asas kepada pelaksanaan kajian ini, khususnya dalam konteks penggunaan pendekatan pembelajaran masteri bersama teknik PEEL bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan perbahasan bahasa Tamil dalam kalangan murid sekolah menengah.

2.2 Pendekatan Pembelajaran Masteri

Pendekatan pembelajaran masteri merupakan satu strategi pengajaran yang menekankan penguasaan menyeluruh terhadap sesuatu kemahiran atau kandungan pembelajaran sebelum murid dibenarkan beralih ke unit seterusnya. Pendekatan ini memerlukan pelaksanaan aktiviti pengajaran yang berperingkat, penilaian formatif berterusan serta pemulihan sistematik bagi memastikan setiap murid mencapai tahap penguasaan minimum yang ditetapkan. Dalam konteks pendidikan semasa, pendekatan pembelajaran masteri semakin mendapat perhatian sebagai satu pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik, motivasi serta keyakinan murid.

Kajian oleh Nurdani et al. (2021) membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berkesan meningkatkan pencapaian murid dalam subjek Al-Quran Hadith di Madrasah Ibtidaiyah Negeri 4 Padang Pariaman. Kajian ini menggunakan kaedah *Participatory Action Research (PAR)* yang melibatkan beberapa kitaran pelaksanaan iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Dapatan menunjukkan peratus kelulusan murid meningkat secara progresif daripada 92% kepada 100% pada kitaran ketiga. Selain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu, kemahiran dan kecekapan guru dalam merancang serta melaksanakan pengajaran turut menunjukkan peningkatan yang ketara. Sepanjang pelaksanaan kajian ini, adalah terbukti bahawa pendekatan pembelajaran masteri sesuai diaplikasikan dalam pengajaran berteraskan kemahiran dan fakulti keagamaan.

Seterusnya, kajian oleh Naquiah Nahar et al. (2022) meneliti penggunaan pendekatan pembelajaran masteri sebagai medium pengajaran Jawi dalam memperkukuh kompetensi guru. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan tujuh orang guru Pendidikan Islam di Melaka. Dapatan kajian mengenal pasti empat ciri utama pendekatan pembelajaran masteri yang diaplikasikan iaitu fokus kepada kefahaman murid, pengajaran daripada aras mudah kepada aras sukar, susunan isi pelajaran secara berperingkat, dan memastikan penguasaan sebelum beralih ke topik baharu. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri bukan sahaja meningkatkan penguasaan murid, malah turut memperkukuh profesionalisme guru dalam pengajaran.

Kajian kuasi eksperimen oleh Akinpelu et al. (2024) di Osogbo, Nigeria pula menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam subjek Matematik di peringkat sekolah menengah. Kajian ini melibatkan dua kumpulan murid tingkatan dua yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran masteri dan kaedah tradisional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen memperoleh peningkatan skor yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan, dengan perbezaan purata sebanyak 17.71 mata. pendekatan pembelajaran masteri juga berjaya mengurangkan jurang pencapaian antara murid berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. Walaupun terdapat perbezaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pencapaian berdasarkan jantina, kajian ini tetap mencadangkan penggunaan pendekatan pembelajaran masteri sebagai strategi berkesan dalam pengajaran Matematik yang mencabar.

Laporan oleh Education Endowment Foundation (EEF, 2024) pula merupakan satu sorotan sistematik terhadap 80 kajian terdahulu yang meneliti keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri sebagai satu *toolkit* pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan ini berkesan meningkatkan purata pencapaian murid, terutamanya dalam subjek Matematik dan Sains. Keberkesanan pendekatan ini bergantung kepada pemantauan kemajuan murid, pelaksanaan diagnostik awal serta sokongan tambahan bagi murid yang lemah. Walaupun pelaksanaannya melibatkan kos yang rendah, pendekatan ini memerlukan komitmen masa yang tinggi dalam latihan guru serta penyusunan kurikulum yang teliti.

Kajian tindakan oleh Mohamad (2024) meneliti impak pendekatan pembelajaran masteri berbantukan modul terhadap pencapaian murid Perniagaan tingkatan lima. Kajian ini menggunakan model Kemmis dan McTaggart yang melibatkan fasa perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) daripada 7.93 kepada 3.23. Selain peningkatan pencapaian akademik, murid juga menunjukkan peningkatan dari segi minat, keyakinan diri serta kemahiran berfikir aras tinggi. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berbantukan modul sangat berkesan dalam meningkatkan kefahaman konsep dan penglibatan murid dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian longitudinal oleh Buraphadeja dan Srisarkun (2024) di Thailand pula menilai pelaksanaan pembelajaran masteri dalam kursus Sains Komputer (CS1) semasa dan selepas pandemik Covid-19. Kajian ini menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data termasuk maklum balas murid, temu bual kumpulan fokus dan analisis perbandingan hasil pembelajaran. Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri meningkatkan penglibatan murid serta memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai, khususnya dalam persekitaran pembelajaran jarak jauh. Namun, cabaran seperti pengurusan masa dan penyesuaian terhadap sistem penilaian baharu turut dikenal pasti. Analisis ANOVA menunjukkan bahawa walaupun penglibatan murid meningkat, pencapaian keseluruhan tidak jauh berbeza berbanding kaedah tradisional.

Akhir sekali, kajian oleh Perez dan Verdin (2023) meneliti kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pemikiran pertumbuhan seorang murid kejuruteraan generasi pertama di Amerika Syarikat melalui kajian longitudinal berasaskan temu bual separa berstruktur. Dapatan menunjukkan bahawa persekitaran pendekatan pembelajaran masteri membantu memperkukuh pemikiran pertumbuhan murid melalui peluang mengulang tugasan, refleksi kendiri serta sokongan berterusan. pendekatan pembelajaran masteri bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, malah turut membentuk ketahanan emosi, daya usaha serta keyakinan murid terhadap keupayaan diri.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik, motivasi, penglibatan serta pembentukan sahsiah murid dalam pelbagai bidang pengajian. Walau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagaimanapun, kebanyakan kajian ini tertumpu kepada bidang selain bahasa Tamil. Justeru, terdapat keperluan untuk meneroka keberkesanan pendekatan ini dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil, terutamanya dalam kemahiran menulis karangan perbahasan.

2.3 Karangan Perbahasan

Kajian oleh Saprina et al. (2021) meneliti kesukaran murid dalam mengembangkan idea semasa menulis esei argumentatif di Universiti Pakuan Bogor, Indonesia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan 23 orang murid, dengan data diperoleh melalui analisis esei, soal selidik dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran dalam membina pernyataan tesis, mengorganisasikan perenggan, mengekalkan koherensi serta menghubungkan idea secara logik. Kesukaran utama dikenal pasti ialah kegagalan menghasilkan penulisan yang koheren, sekali gus menjejaskan kualiti huraian dalam esei argumentatif. Kajian ini menegaskan keperluan latihan lebih intensif dalam kemahiran asas penulisan bagi mengatasi kelemahan tersebut.

Seterusnya, kajian oleh Mohamed Mokhtar dan Jamil (2020) menilai keberkesanan aplikasi Model Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) dalam PdPc penulisan karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kualitatif yang melibatkan dua orang guru bahasa Melayu tingkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empat. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen seperti karangan murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan model DPM berkesan dalam meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid melalui aktiviti berpusatkan murid, pengajaran interaktif dan penyoalan aras tinggi. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan pengajaran yang sistematik dan berstruktur mampu membantu murid membina huraian yang lebih matang dan bernas dalam karangan argumentatif.

Kajian oleh Gnanaselvam dan Pakirnathan (2021)pula meneliti kesan pendedahan kendiri guru terhadap peningkatan penulisan esei argumentatif dalam kalangan pelajar ESL di sebuah institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran dengan melibatkan 75 orang pelajar daripada tiga kumpulan tutorial. Metodologi kajian melibatkan ujian pra dan pasca, pemerhatian kelas, temu bual berfokus serta temu bual individu. Dapatan menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam skor penulisan pasca ujian bagi kumpulan eksperimen. Pendedahan kendiri guru didapati meningkatkan aspek gaya penulisan, organisasi esei, kandungan, penggunaan bahasa dan pematuhan tugasan. Kajian ini membuktikan bahawa pendedahan kendiri guru berfungsi sebagai strategi instruksional yang berkesan dalam meningkatkan kualiti penulisan esei argumentatif.

Kajian oleh Kaur dan Jageer Singh (2021) pula meneliti kesan penggunaan arahan rakan sebaya dalam persekitaran pembelajaran berbalik terhadap prestasi penulisan esei argumentatif, pemikiran kritis dan penyertaan pelajar ESL di Universiti Pendidikan Sultan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Idris (UPSI). Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran yang melibatkan 120 orang pelajar ESL. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan ANOVA satu hala, manakala data kualitatif dianalisis melalui log pembelajaran, borang penilaian pelajar, kuiz video EdPuzzle serta analisis hasil kerja pelajar. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam prestasi penulisan dan pemikiran kritis pelajar kumpulan eksperimen. Pelajar turut menunjukkan penglibatan aktif dalam perbincangan, pertukaran idea dengan rakan sebaya dan persediaan konsep sebelum kelas. Kajian ini mengesahkan bahawa pembelajaran berbalik berasaskan arahan rakan sebaya berkesan dalam meningkatkan keupayaan ber huraian secara kritis.

Kajian oleh Johan (2024) meneliti tahap kemahiran berfikir kritis pelajar melalui penulisan esei argumentatif dalam kalangan 65 orang pelajar jurusan rekod perubatan di Universiti Bandung, Indonesia. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan instrumen ujian penulisan esei dan soal selidik persepsi pelajar. Dapatan menunjukkan tahap kemahiran berfikir kritis pelajar berada pada tahap sederhana, khususnya dalam aspek penyediaan huraian yang dipercayai, pengaitan huraian secara koheren dan penghasilan cadangan tindakan. Kajian ini mencadangkan agar pengajaran bahasa perlu disusun berasaskan aktiviti KBAT yang lebih mencabar bagi meningkatkan keupayaan berhujah secara analitik.

Kajian oleh Mallahi (2024) pula meneliti strategi penulisan esei argumentatif dan masalah pelajar EFL di Universiti Hormozgan, Iran. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran dengan instrumen soal selidik strategi penulisan, analisis teks pelajar dan temu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bual separa berstruktur terhadap 29 orang pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa strategi penulisan argumentatif pelajar berada pada tahap yang rendah, dengan penulisan esei lebih menyerupai teks ekspositori berbanding teks argumentatif sebenar. Masalah utama termasuk kelemahan pemikiran kritis, kekurangan bukti sokongan, struktur retorik yang lemah dan ketidakupayaan menangani hujah balas. Kajian ini mencadangkan penggunaan pendekatan genre-proses serta pemberian maklum balas konstruktif bagi memperkukuh penguasaan penulisan esei argumentatif.

Seterusnya, kajian oleh Sobari et al. (2024) meneliti peranan konjungsi dan ciri kognitif pelajar terhadap penulisan esei argumentatif di Jawa Barat, Indonesia. Kajian kuantitatif ini melibatkan 350 orang pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konjungsi kontradiktif memberi sumbangan positif terhadap pembentukan hujah integratif, manakala pelajar dengan latar belakang sosioekonomi rendah cenderung menghasilkan esei yang panjang tetapi kurang mencabar dari segi struktur hujah. Kajian ini menegaskan bahawa penguasaan ciri linguistik seperti konjungsi sangat penting dalam pembinaan hujah yang mantap dan berperspektif kritis.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas dalam bidang karangan perbahasan dan esei argumentatif menunjukkan bahawa pelajar masih berdepan dengan cabaran utama dalam aspek perkembangan isi, pembinaan hujah yang bernas, penyusunan perenggan yang koheren serta penggunaan bukti yang relevan. Walaupun pelbagai pendekatan pedagogi seperti model Dimensi Pembelajaran, pendedahan kendiri guru, pembelajaran berbalik dan pendekatan genre-proses telah dibuktikan berkesan dalam meningkatkan kualiti penulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

argumentatif, namun kebanyakan kajian ini lebih tertumpu kepada konteks bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih wujud keperluan untuk meneroka pendekatan yang lebih sistematik dan berfokus bagi meningkatkan kemahiran penulisan karangan perbahasan dalam konteks bahasa lain, khususnya bahasa Tamil. Justeru, dapatan kajian-kajian ini mengukuhkan keperluan untuk melaksanakan kajian yang menggabungkan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik penstrukturan isi yang jelas seperti teknik PEEL dalam membantu pelajar membina huraian yang lebih tersusun dan meyakinkan.

2.4 Karangan Bahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh : Perumal dan Vittyavathy (2021) meneliti keberkesanan penggunaan peta pemikiran i-Think dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan berpandukan panduan dalam kalangan murid tahun empat di sekolah Tamil. Kajian tindakan ini menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca dengan penerapan pendekatan grafik visual bagi merangsang pemikiran murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebelum intervensi, murid menghadapi kesukaran menyusun isi secara teratur, mengembangkan huraian, serta membina struktur karangan yang lengkap. Selepas penggunaan peta i-Think, berlaku peningkatan yang ketara dari segi kejelasan idea, perkembangan isi yang sistematik dan pembinaan struktur karangan yang lebih koheren. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan strategi visual berkesan membantu murid mengembangkan isi karangan bahasa Tamil secara lebih tersusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian oleh Rajendran et al. (2021) meneliti keberkesanan pendekatan membaca kritis dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar tingkatan Dua. Kajian kuantitatif ini melibatkan 10 orang pelajar di Negeri Sembilan dan berpandukan Taksonomi Bloom. Dapatan ujian pra menunjukkan pelajar menghadapi pelbagai masalah seperti penggunaan tatabahasa yang lemah, struktur perenggan yang tidak tersusun, kekurangan kosa kata serta ketidakmampuan menghuraikan isi secara mendalam. Selepas empat minggu intervensi membaca kritis, keputusan ujian pasca menunjukkan peningkatan ketara dalam penggunaan kosa kata baharu, pengurangan kesalahan tatabahasa, struktur perenggan yang lebih teratur serta keupayaan menghuraikan isi dengan lebih matang. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan membaca kritis berkesan membantu pelajar menjana idea dan mengembangkan isi karangan bahasa Tamil dengan lebih bermakna.

Kajian oleh Sivanadhan dan Thiagu (2020) pula meneliti keberkesanan Teknik Empat Fasa (Four-Phase Technique) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan Empat di sebuah sekolah di Hutan Melintang, Perak. Kajian ini dijalankan selama enam minggu dan melibatkan sepuluh orang pelajar. Teknik ini merangkumi empat fasa utama iaitu *Need Phase, Attention Phase, Visualization Phase* dan *Action Phase*. Dapatan ujian pra menunjukkan pelajar menghadapi masalah serius dalam menjana idea, mengembangkan isi, membina perenggan yang teratur serta menggunakan kosa kata dan simpulan bahasa dengan tepat. Selepas intervensi, skor purata pelajar meningkat secara signifikan daripada 39.3% kepada 88.9%. Kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuktikan bahawa pembelajaran aktif dan berfasa mampu meningkatkan keupayaan pelajar mengembangkan isi karangan Tamil secara kreatif dan sistematik.

Kajian tindakan oleh Menu (2021) meneliti keberkesanan pendekatan Nunnia Vaasippu (Close Reading) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan berpandukan panduan dalam kalangan pelajar tingkatan Dua. Kajian ini menggunakan model Kemmis dan McTaggart dengan pendekatan kualitatif. Sebelum intervensi, pelajar menghadapi kesukaran memahami kehendak soalan, menjana isi, menyusun perenggan serta mengemukakan contoh dan huraian yang relevan. Selepas pendekatan ini dilaksanakan, pelajar didapati mampu membaca soalan dengan lebih teliti, mengenal pasti kata kunci, membina peta minda dan menulis karangan yang lebih koheren serta bernas. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan bacaan mendalam berkesan dalam meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan perkembangan isi dalam karangan bahasa Tamil.

Kajian oleh Anusia dan Muniisvaran (2024) pula meneliti amalan pengajaran guru bahasa Tamil dalam mengajar karangan jenis fakta di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Klang, Selangor. Kajian deskriptif ini melibatkan lima orang guru berpengalaman melalui temu bual separa berstruktur. Dapatan menunjukkan bahawa cabaran utama dalam pengajaran karangan termasuk kekangan masa untuk bimbingan individu, kurangnya latihan menulis berstruktur serta kelemahan murid dalam menjana isi dan membina perenggan yang tersusun. Murid juga didapati bergantung kepada isi hafalan dan kurang mampu membina huraian secara autentik. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan pengajaran karangan di SJKT disusun secara lebih sistematik, berfokus kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan isi serta diperkaya dengan penggunaan bahan bantu mengajar dan kaedah inovatif.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas dalam konteks pengajaran karangan bahasa Tamil menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi cabaran utama dalam aspek menjana idea, mengembangkan isi, menyusun perenggan secara koheren serta memahami kehendak soalan dengan tepat. Walaupun pelbagai pendekatan inovatif seperti peta pemikiran i-Think, membaca kritis, Teknik Empat Fasa, pendekatan Nunnia Vaasippu serta strategi pengajaran guru telah dibuktikan berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Tamil, kebanyakan kajian ini lebih menumpukan kepada penulisan secara umum dan karangan berpandukan panduan. Kajian yang memberi tumpuan khusus kepada karangan perbahasan bahasa Tamil, terutamanya dari sudut perkembangan isi huraian secara sistematik, masih amat terhad. Justeru, wujud keperluan untuk meneroka pendekatan pengajaran yang lebih berstruktur seperti pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL bagi membantu pelajar membina huraian yang lebih tersusun, bernas dan meyakinkan dalam karangan perbahasan bahasa Tamil.

2.5 Jurang Kajian

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri telah diaplikasikan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti Pendidikan Islam, Matematik, Sains serta di peringkat pengajian tinggi. Dapatan kajian-kajian tersebut secara konsisten

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik, motivasi, penglibatan serta keyakinan pelajar dalam pembelajaran.

Walau bagaimanapun, sorotan literatur mendapati bahawa kajian yang mengaplikasikan pendekatan pembelajaran masteri secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil masih amat terhad, terutamanya dalam konteks kemahiran menulis di peringkat sekolah menengah. Hal ini menunjukkan wujudnya satu jurang penyelidikan yang ketara dari segi pengaplikasian pendekatan pembelajaran masteri dalam pendidikan bahasa Tamil.

Dalam konteks pengajaran penulisan bahasa Tamil pula, kajian-kajian sedia ada lebih banyak menumpukan kepada penggunaan pendekatan seperti peta pemikiran i-Think, membaca kritis, pendekatan Nunnia Vaasippu, serta Teknik Empat Fasa bagi membantu pelajar mengembangkan isi karangan. Walaupun pendekatan-pendekatan ini terbukti berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis secara umum, kajian yang memberi tumpuan khusus kepada karangan perbahasan bahasa Tamil masih sangat terhad, khususnya dari aspek pembinaan huraian yang sistematik, koheren dan berasaskan bukti.

Selain itu, sorotan literatur juga menunjukkan bahawa kajian empirikal yang menggabungkan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik PEEL (Point, Explain, Evidence, Link) sebagai satu strategi pengajaran bersepadu dalam pengajaran karangan perbahasan bahasa Tamil masih terhad. Sedangkan kajian-kajian dalam bahasa lain menunjukkan bahawa teknik penstrukturan perenggan seperti PEEL berkesan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan koherensi, kejelasan huraian serta penggunaan bukti dalam penulisan perbahasan.

Sehubungan itu, jelas wujud satu kelompongan kajian yang melibatkan pengaplikasian pendekatan pembelajaran masteri dalam bahasa Tamil, penerokaan khusus terhadap karangan perbahasan dan penggunaan gabungan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik PEEL dalam pembangunan huraian perenggan yang berstruktur.

2.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 2 telah membincangkan sorotan literatur berkaitan pendekatan pembelajaran masteri, penulisan karangan perbahasan serta pengajaran dan pembelajaran karangan bahasa Tamil. Sorotan terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri terbukti berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik, motivasi, penglibatan serta pembentukan keyakinan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian melalui pembelajaran berperingkat, pemantauan berterusan dan pemulihan sistematik.

Dalam konteks penulisan karangan perbahasan dan esei argumentatif pula, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar masih berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kelemahan dalam perkembangan isi, pembinaan huraian yang bernas, penyusunan perenggan yang koheren serta penggunaan bukti yang relevan. Pelbagai pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pedagogi telah diperkenalkan bagi menangani kelemahan ini dalam konteks bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil.

Seterusnya, sorotan literatur dalam pengajaran karangan bahasa Tamil menunjukkan bahawa pendekatan inovatif seperti peta pemikiran i-Think, membaca kritis, Teknik Empat Fasa serta pendekatan Nunnia Vaasippu memberi sumbangan positif terhadap penguasaan kemahiran menulis pelajar. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini lebih menumpukan kepada karangan secara umum, manakala kajian yang memberi fokus khusus kepada karangan perbahasan, terutamanya dari sudut pembinaan huraian secara sistematik, masih terhad.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat keperluan untuk melaksanakan satu kajian yang lebih berfokus dan bersepadu dalam bidang ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti keberkesanan gabungan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik PEEL dalam pengajaran kemahiran menulis karangan perbahasan bahasa Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan lima di sekolah menengah. Bab seterusnya akan menghuraikan metodologi kajian yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini secara sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan metodologi kajian yang digunakan untuk menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam membantu murid mengembangkan isi dalam penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil. Fokus perbincangan meliputi reka bentuk kajian, sampel kajian dan teknik persampelan, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur pelaksanaan intervensi, kaedah analisis data serta pertimbangan etika penyelidikan yang dipatuhi oleh pengkaji. Semua aspek ini disusun secara sistematik bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan teratur serta dapatan yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada pelan sistematik yang membimbing keseluruhan proses penyelidikan, termasuk pengumpulan dan analisis data bagi menjawab persoalan kajian secara sah dan boleh dipercayai (Creswell & Creswell, 2022; Mohajan, 2021). Pemilihan reka bentuk yang tepat penting untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan dapatan (Saunders et al., 2021).

Berdasarkan objektif penyelidikan ini, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuasi-eksperimen satu kumpulan pra dan pasca ujian. Reka bentuk ini dipilih kerana pemilihan peserta secara rawak tidak dapat dilaksanakan dalam konteks sekolah sebenar, di mana struktur kelas sedia ada tidak boleh diubah. Oleh itu, kumpulan murid sedia ada dijadikan kumpulan eksperimen yang menerima intervensi pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran masteri digabungkan dengan teknik PEEL.

Reka bentuk kuasi-eksperimen satu kumpulan pra–pasca dipilih kerana ia paling sesuai dengan konteks bilik darjah sebenar, di mana penyelidik tidak boleh mengubah-atur komposisi kelas secara rawak. Reka bentuk ini membolehkan penilaian keberkesanan intervensi dilakukan secara praktikal tanpa mengganggu struktur PdP sekolah. Melalui perbandingan skor pra dan pasca ujian, penyelidik dapat melihat perubahan yang berlaku secara langsung selepas intervensi, selaras dengan cadangan Creswell & Creswell (2022) serta McMillan dan Schumacher (2021) yang menegaskan bahawa reka bentuk ini sesuai digunakan apabila matlamat kajian adalah untuk menilai peningkatan pembelajaran dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran pendidikan yang autentik. Walaupun tidak melibatkan kumpulan kawalan, reka bentuk ini tetap sah digunakan dalam kajian intervensi pedagogi kerana ia menumpukan kepada keberkesanan tindakan pembelajaran dalam konteks sebenar sekolah.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada dua kumpulan utama, iaitu murid Tingkatan Lima dan guru Bahasa Tamil, yang dipilih melalui persampelan bertujuan (purposive sampling) berdasarkan ciri-ciri khusus yang berkaitan secara langsung dengan objektif kajian (Ahmad & Wilkins, 2024; Memon et al., 2025).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Sampel Murid

Seramai 15 orang murid Tingkatan Lima dipilih daripada satu kelas sedia ada. Jumlah ini merupakan saiz kelas sebenar dan sesuai untuk reka bentuk kuasi-eksperimen bilik darjah yang lazimnya melibatkan sampel kecil bagi menilai perubahan pembelajaran secara mendalam (Creswell & Creswell, 2022). Murid dipilih berdasarkan tahap pencapaian sederhana dalam penulisan karangan perbahasan, kerana kumpulan sederhana berpotensi menunjukkan perubahan yang lebih stabil dan jelas selepas intervensi (Kember, 2021). Murid ini terlibat dalam ujian pra dan ujian pasca bagi menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Sampel Guru

Kumpulan guru terdiri daripada lima orang guru Bahasa Tamil dari lima buah sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan. Guru dipilih berdasarkan pengalaman mengajar karangan SPM antara 10 hingga 30 tahun, menjadikan mereka sumber maklumat profesional yang sahih untuk mengenal pasti masalah sebenar murid dalam penulisan karangan perbahasan. Guru-guru ini terlibat dalam temu bual separa berstruktur, yang bertujuan mendapatkan data kualitatif mendalam untuk memenuhi objektif kajian pertama. Pemilihan lima orang guru adalah mencukupi untuk mencapai ketepuan data dan memberikan perspektif yang pelbagai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada alat yang digunakan bagi mengumpul data untuk menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif penyelidikan (Creswell & Creswell, 2022). Pemilihan instrumen yang sesuai memastikan data yang diperoleh sah, boleh dipercayai dan relevan dengan fokus kajian. Dalam kajian ini, tiga instrumen utama digunakan iaitu temu bual separa berstruktur, skrip karangan perbahasan murid (ujian pra dan ujian pasca) dan panduan pemarkahan rasmi bahasa Tamil SPM oleh Lembaga Peperiksaan (LP).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1 : Instrumen Kajian



Protokol temu bual digunakan untuk mendapatkan data kualitatif tentang masalah murid dalam penulisan karangan perbahasan, manakala skrip karangan murid bersama panduan pemarkahan rasmi digunakan untuk menilai perubahan tahap penguasaan murid dalam aspek perkembangan isi sebelum dan selepas intervensi melalui pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Instrumen Temubual

Instrumen kajian bagi pengumpulan data kualitatif ialah protokol temu bual separa berstruktur yang dibina berdasarkan objektif kajian. Protokol ini mengandungi set soalan yang meneliti masalah utama yang dihadapi murid dalam penulisan karangan perbahasan, termasuk aspek pengembangan isi, penyusunan huraian, penggunaan kosa kata, pemberian contoh serta penguasaan tatabahasa. Protokol temu bual ini digunakan sebagai panduan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semasa temu bual bersama lima orang guru bahasa Tamil bagi memperoleh data yang relevan dan konsisten dengan fokus kajian.

3.4.2 Skrip Karangan Murid Ujian Pra dan Pasca

Skrip karangan perbahasan merupakan data utama yang diperoleh melalui ujian pra dan ujian pasca. Murid dikehendaki menulis karangan berdasarkan tajuk yang ditetapkan mengikut format peperiksaan SPM. Tajuk yang diberikan adalah selaras dengan tema dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil Tingkatan 5.

Sepanjang pelaksanaan intervensi, murid dibimbing menggunakan teknik PEEL (Point, Explain, Evidence, Link) sebagai strategi eksplisit untuk membina perenggan isi yang tersusun dan koheren. Oleh itu, analisis skrip memberi fokus kepada empat elemen utama iaitu kejelasan ayat topik (Point), keberkesanan huraian (Explain), ketepatan dan kekuatan contoh atau bukti (Evidence) serta kejelasan ayat penegas serta kesinambungan idea (Link).

Perbandingan antara skrip pra dan pasca ujian membolehkan penilaian tahap perubahan murid dalam kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan dilakukan secara lebih sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Panduan Pemarkahan Rasmi LP

Penilaian skrip murid dijalankan menggunakan Panduan Pemarkahan Bahasa Tamil SPM oleh Lembaga Peperiksaan (LP), iaitu standard rasmi penilaian peperiksaan kebangsaan. Bagi memastikan pemarkahan yang lebih objektif dan konsisten, skrip karangan dinilai oleh dua orang penilai, termasuk seorang guru pakar Bahasa Tamil. Semakan oleh dua penilai ini membantu mengurangkan bias individu serta meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Jadual 3.1
Panduan Pemarkahan Karangan Perbahasan

Peringkat	Kriteria
Cemerlang (61-70)	- Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan. - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. - Huraian jelas dan matang. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerengganan sesuai. - Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah dan lain-lain.
Kepujian (46-60)	- Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan. - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. - Huraian jelas. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. - Pengolahan menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	- Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerengganan sesuai.
Memuaskan (31-45)	- Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan. - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. - Huraian masih jelas. - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. - Pengolahan masih menarik. - Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan. - Wacana masih lengkap. - Pemerengganan masih sesuai.
Penguasaan Minimum (21-30)	- Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugasan. - Idea kurang relevan dengan rangsangan / tugasan. - Huraian kurang jelas. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad. - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. - Kesalahan ejaan yang ketara. - Pengolahan kurang menarik. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan. - Wacana kurang lengkap. - Pemerengganan kurang sesuai.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum (1-10)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugasan. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

(Sumber: diterjemahkan daripada Peraturan Pemarkahan Karangan Perbahasan Bahasa Tamil Lembaga Peperiksaan)

Selain pemarkahan berdasarkan panduan LP (2023), tahap pengaplikasian struktur PEEL dalam setiap perenggan isi turut dinilai. Penilaian ini penting bagi menentukan keberkesanan teknik PEEL dalam membantu murid membina huraian yang lengkap, jelas dan meyakinkan, selaras dengan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan (mixed-methods) melalui tiga sumber data utama, iaitu temu bual separa berstruktur, ujian pra dan ujian pasca, serta data PdPc yang dijalankan melalui pendekatan pembelajaran masteri menggunakan teknik PEEL. Ketiga-tiga sumber data ini membolehkan triangulasi dijalankan bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang masalah murid serta keberkesanan intervensi.

3.5.1 Temu Bual Separa Berstruktur

Temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan data bagi objektif pertama kajian, iaitu mengenal pasti masalah murid dalam penulisan karangan perbahasan. Seramai lima orang guru Bahasa Tamil dipilih melalui persampelan bertujuan. Soalan temu bual merangkumi isu perkembangan isi, penyusunan huraian dan penggunaan bukti. Temu bual dijalankan secara dalam talian, direkod dengan kebenaran responden dan ditranskripsikan secara literal sebelum dianalisis menggunakan analisis tema.

3.5.2 Ujian Pra dan Pasca

Ujian pra dan pasca digunakan bagi menilai tahap penguasaan murid sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi PdPc. Murid menulis karangan perbahasan berdasarkan tugasan setara dan pemarkahan dibuat menggunakan Panduan Pemarkahan Rasmi Bahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SPM. Perbandingan skor pra dan pasca dianalisis secara deskriptif menggunakan nilai min untuk melihat perubahan prestasi.

3.5.3 Data PdPc melalui Pendekatan Pembelajaran Masteri menggunakan Teknik PEEL

Data tambahan dikumpulkan melalui tugasan penulisan karangan mingguan sepanjang lapan minggu intervensi PdPc. Setiap minggu, murid menghasilkan satu karangan berdasarkan tajuk yang ditetapkan, manakala guru memberikan maklum balas berpandukan RPH bagi pelaksanaan intervensi. Analisis skrip mingguan memberi gambaran perkembangan murid secara berperingkat dalam penggunaan struktur PEEL, kejelasan huraian, ketepatan contoh dan kesinambungan idea. Maklumat ini digunakan sebagai data sokongan dalam menilai keberkesanan intervensi serta melengkapkan triangulasi bersama dapatan temu bual dan ujian pra–pasca.


3.6 Prosedur Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam tiga fasa utama, iaitu ujian pra, sesi pengajaran berasaskan pendekatan pembelajaran masteri dan ujian pasca. Setiap fasa direka bentuk untuk menyokong objektif kajian serta membolehkan pengukuran kesan intervensi terhadap kemahiran perkembangan isi dalam penulisan karangan perbahasan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.2 : Prosedur kajian



3.6.1 Temubual

Sebelum pelaksanaan ujian pra, kajian ini memulakan prosedur pengumpulan data dengan menjalankan temu bual separuh berstruktur bersama guru Bahasa Tamil yang mengajar kelas kajian. Temu bual ini bertujuan mengenal pasti masalah pengajaran dan pembelajaran karangan perbahasan, khususnya berkaitan kemahiran murid mengembangkan isi penulisan.

Temu bual ini memberi tumpuan kepada pandangan guru tentang tahap penguasaan murid dalam membina huraian isi, penggunaan contoh, kesinambungan perenggan serta strategi pengajaran yang lazim digunakan dalam pengajaran karangan perbahasan. Selain itu, temu bual ini turut meneliti cabaran yang dihadapi guru dalam membimbing murid menghasilkan perenggan isi yang tersusun dan koheren.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi temu bual dijalankan secara individu dan berlangsung selama kira-kira 20 hingga 30 minit. Soalan temu bual dibina secara terbuka bagi membolehkan guru berkongsi pengalaman PdPc secara mendalam. Data temu bual direkodkan dan ditranskripsikan untuk tujuan analisis kualitatif.

Dapatan daripada temu bual ini digunakan sebagai data awal bagi menyokong keperluan pelaksanaan intervensi PdPc berasaskan pendekatan pembelajaran masteri menggunakan teknik PEEL. Maklumat yang diperoleh turut dijadikan asas dalam pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) serta pemilihan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan konteks dan keperluan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Ujian pra

Pada fasa ini, murid diberikan tugasan menulis karangan jenis perbahasan bertajuk “Kesan Teknologi Maklumat”. Tugasan ini dijalankan secara individu dalam tempoh 1 jam 15 minit, selaras dengan format penulisan karangan Bahasa Tamil SPM. Arahan penulisan menekankan penyediaan karangan lengkap yang merangkumi pendahuluan, beberapa perenggan isi dan penutup dengan panjang anggaran 350 hingga 500 patah perkataan.

Ujian pra ini bertujuan mengumpul data awal tentang tahap penguasaan murid dalam kemahiran mengembangkan isi sebelum pelaksanaan intervensi. Penilaian terhadap skrip murid memberi tumpuan kepada aspek perkembangan isi, kejelasan huraian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketepatan contoh serta kesinambungan perenggan, berdasarkan panduan pemarkahan rasmi Bahasa Tamil SPM. Data daripada ujian pra menjadi asas perbandingan dengan ujian pasca bagi menentukan keberkesanan intervensi pengajaran yang dijalankan.

3.6.3 Pelaksanaan PdPc Karangan Perbahasan melalui Pendekatan Pembelajaran Masteri menggunakan Teknik PEEL

Pelaksanaan PdPc dalam kajian ini dirancang untuk dijalankan selama lapan minggu berdasarkan satu set Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang dibangunkan khusus bagi kajian ini. RPH ini disusun mengikut prinsip pembelajaran masteri dan mengintegrasikan teknik PEEL sebagai strategi utama dalam pembinaan huraian perenggan karangan perbahasan. Setiap RPH mengandungi set induksi, objektif pembelajaran, langkah pengajaran, aktiviti pembelajaran, bahan bantu mengajar, serta bentuk maklum balas yang perlu diberikan kepada murid. RPH ini kemudiannya diserahkan kepada guru Bahasa Tamil yang mengajar kelas tersebut untuk dilaksanakan mengikut minggu yang telah ditetapkan.

Setiap sesi PdPc dirancang untuk dimulakan dengan set induksi menggunakan bahan rangsangan seperti gambar, video pendek atau klip berita bagi mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid dan menyediakan konteks pembelajaran. Guru akan mengemukakan beberapa soalan pencetus minda untuk membantu murid menjana idea awal sebelum menulis karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam komponen pengajaran eksplisit, guru akan memodelkan proses penulisan perenggan menggunakan teknik PEEL. Guru dijangka menerangkan ciri ayat topik yang tepat, cara menghuraikan isi secara logik, memilih bukti yang relevan dan membina ayat penegas yang sesuai. Pengajaran ini berfungsi memastikan murid memahami setiap komponen PEEL sebelum mereka mempraktikkannya dalam penulisan.

Aktiviti pembelajaran mingguan pula dirancang agar melibatkan pelbagai pendekatan seperti perbincangan kumpulan kecil, aktiviti penyusunan perenggan, analisis contoh perenggan PEEL, pembentangan idea dan pembinaan peta minda. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan mengukuhkan kefahaman murid secara kolaboratif, namun tugasan penulisan karangan lengkap akan tetap dijalankan secara individu sebagai bentuk penilaian perkembangan penguasaan setiap murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selaras dengan prinsip pembelajaran masteri, murid yang belum menguasai kemahiran tertentu akan diberikan bimbingan tambahan dan latihan pemulihan, manakala murid yang menunjukkan penguasaan lebih awal akan diberikan tugasan pengayaan seperti memperluas contoh atau memperkukuh penanda wacana. Pendekatan pembelajaran berperingkat ini dijangka membolehkan murid membina huraian yang lebih konsisten dan tersusun sepanjang lapan minggu intervensi.

Pada akhir setiap sesi mingguan, murid akan menulis sebuah karangan perbahasan lengkap berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Tugasan ini bertujuan menilai sejauh mana murid dapat mengaplikasikan teknik PEEL dalam perenggan isi mereka secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu dan progresif. Guru akan menyediakan maklum balas berdasarkan panduan dalam RPH, manakala skrip murid akan disemak sebagai sebahagian daripada proses pemantauan intervensi.

Melalui perancangan PdPc selama lapan minggu ini, satu kerangka pengajaran yang sistematik dan konsisten disediakan bagi memastikan pendekatan pembelajaran masteri serta teknik PEEL diaplikasikan secara terancang, seterusnya menyokong tujuan kajian untuk menilai keberkesanan intervensi terhadap kemahiran perkembangan isi murid.

Teknik PEEL dipilih kerana ia merupakan strategi penulisan eksplisit yang terbukti berkesan dalam membantu murid membina perenggan yang tersusun dan koheren. Struktur PEEL (Point, Explain, Evidence, Link) memberikan panduan langkah demi langkah untuk membina isi secara sistematik, sekali gus dapat menangani masalah utama murid seperti huraian yang tidak jelas, contoh yang tidak tepat, dan perenggan yang tidak berkesinambungan. Pemilihan teknik ini juga selaras dengan prinsip Pembelajaran Masteri, yang menekankan penguasaan kemahiran secara berperingkat melalui latihan berulang dan maklum balas yang konsisten. Gabungan Masteri dan PEEL menyediakan rangka pengajaran yang terarah, berfokus dan mesra murid, serta sesuai digunakan dalam konteks karangan perbahasan Bahasa Tamil di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2
Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Masteri dan Tajuk Karangan Perbahasan mengikut Minggu

Ujian pra untuk mengenal pasti tahap murid	
Pengenalan kepada kaedah PEEL	
Minggu	Tajuk Karangan Perbahasan
1	Kesan Sains dan Teknologi
2	Kesan Penggunaan Media Sosial
3	Kesan Aktiviti Kokurikulum
4	Kesan Wanita Bekerja
5	Kesan Penggunaan Telefon Pintar
6	Kesan Makanan Segera
7	Kesan Kemasukan Pendatang Asing
8	Kesan Perbuatan Buli
Ujian pasca untuk menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri	

Pengajaran disampaikan melalui gabungan pengajaran langsung, latihan individu, kerja berkumpulan dan pembentangan kelas. Setiap komponen pengajaran dipastikan dikuasai oleh murid sebelum beralih kepada komponen seterusnya, selaras dengan prinsip pendekatan pembelajaran masteri yang menekankan penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu unit pembelajaran sebelum murid didedahkan kepada unit yang lebih mencabar (Bloom, 1976; Guskey, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4 Ujian Pasca

Selepas tamat sesi pengajaran selama lapan minggu, murid menjalani ujian pasca yang bertujuan menilai tahap penguasaan mereka setelah mengikuti intervensi PdPc berasaskan pendekatan pembelajaran masteri menggunakan teknik PEEL. Dalam ujian pasca ini, murid dikehendaki menulis sebuah karangan perbahasan secara individu menggunakan tajuk yang sama seperti ujian pra, iaitu "Kesan Teknologi Maklumat."

Penggunaan tajuk yang sama membolehkan perbandingan yang lebih tepat, sah dan reliabel antara ujian pra dan ujian pasca, kerana aras kesukaran, tuntutan kognitif dan skop kandungan adalah setara sepenuhnya. Tugasan penulisan dijalankan dalam tempoh 1 jam 15 minit, selaras dengan masa standard penilaian karangan Bahasa Tamil SPM.

Karangan yang dihasilkan dianalisis menggunakan kriteria rubrik yang sama seperti ujian pra, dengan memberi fokus kepada aspek perkembangan isi, kejelasan huraian, ketepatan contoh, penggunaan struktur PEEL, serta kesinambungan idea dalam perenggan. Analisis komparatif antara ujian pra dan ujian pasca seterusnya digunakan untuk menentukan sejauh mana pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL berkesan dalam meningkatkan kemahiran murid mengembangkan isi karangan perbahasan bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kaedah Analisis Data

Data kajian ini dianalisis menggunakan gabungan analisis kualitatif dan kuantitatif selaras dengan reka bentuk kaedah gabungan yang digunakan. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih holistik kerana data kualitatif menyediakan penjelasan mendalam, manakala data kuantitatif memberikan bukti empirikal yang dapat diukur (Creswell & Creswell, 2022).

3.7.1 Analisis Data Kualitatif

Data temu bual guru dianalisis secara kualitatif menggunakan analisis tema. Proses analisis melibatkan pembacaan transkripsi secara berulang, pengekodan awal, pengelompokan kod dan pembentukan tema utama bagi mengenal pasti pola isu yang dihadapi murid dalam penulisan karangan perbahasan. Pendekatan ini selari dengan kaedah analisis tema yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2021) yang menekankan kefahaman terhadap makna tersirat dan tersurat dalam data.

Analisis kualitatif ini memberi tumpuan kepada aspek yang sering menjadi cabaran kepada murid, seperti perkembangan isi, kesinambungan huraian, penggunaan bukti serta struktur penulisan. Tema yang dikenal pasti digunakan untuk menjawab objektif pertama kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Analisis Data Kuantitatif

Data kuantitatif terdiri daripada skrip karangan murid bagi ujian pra, karangan mingguan sepanjang pelaksanaan PdPc, serta ujian pasca. Semua skrip dinilai menggunakan Panduan Pemarkahan Rasmi Bahasa Tamil SPM, yang menyediakan kriteria penilaian yang sah dan seragam.

Analisis dilakukan secara statistik deskriptif dengan mengira skor min untuk prestasi awal (ujian pra), perkembangan mingguan (karangan 8 minggu intervensi) dan prestasi akhir (ujian pasca). Pendekatan ini selaras dengan saranan McMillan dan Schumacher (2021) bahawa statistik deskriptif merupakan kaedah yang sesuai untuk menggambarkan perubahan skor prestasi dalam kajian pendidikan berskala kecil.

Perbandingan antara skor pra, skor mingguan dan skor pasca digunakan untuk menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri menggunakan teknik PEEL terhadap peningkatan kemahiran murid mengembangkan isi karangan perbahasan.

3.7.3 Triangulasi Data

Triangulasi data dalam kajian ini dijalankan dengan memadankan tiga sumber maklumat, iaitu dapatan temu bual guru, skor kuantitatif ujian pra dan pasca, serta perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mingguan skrip karangan murid sepanjang intervensi PdPc. Temu bual guru memberikan data kualitatif mendalam tentang punca masalah murid, manakala ujian pra–pasca menunjukkan bukti empirikal peningkatan prestasi selepas intervensi.

Perkembangan mingguan pula berfungsi sebagai data proses (process data) yang mengesahkan hubungan antara intervensi dan peningkatan skor secara berperingkat. Triangulasi ini mengukuhkan kesahan dapatan kerana maklumat yang muncul tidak hanya berpunca daripada satu sumber atau satu kaedah sahaja, tetapi disokong oleh pola data yang konsisten daripada pelbagai perspektif (Creswell & Creswell, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Etika Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2021) dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan UPSI (Pindaan 2023). Semua prosedur dipatuhi bagi memastikan hak, keselamatan dan kerahsiaan peserta sentiasa terpelihara.

Persetujuan bertulis telah diperoleh daripada semua murid serta kebenaran ibu bapa atau penjaga, memandangkan peserta kajian terdiri daripada murid di bawah umur. Peserta telah dimaklumkan tentang tujuan kajian, prosedur PdPc, jenis data yang dikumpul serta hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat peribadi peserta dikendalikan secara sulit. Skrip karangan murid dan rakaman temu bual guru tidak menggunakan nama sebenar; sebaliknya kod pengenalan digunakan dalam semua laporan dan analisis. Data digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja dan tidak memberi kesan kepada markah peperiksaan sebenar murid.

Pelaksanaan kajian turut dijalankan tanpa menjejaskan jadual pembelajaran murid dan tidak menimbulkan sebarang tekanan atau gangguan emosi. Semua sesi dilaksanakan dalam persekitaran PdPc yang selamat, terkawal dan menyokong pembelajaran. Pematuhan etika ini memastikan integriti, kebolehpercayaan dan kesahihan dapatan kajian selaras dengan standard penyelidikan pendidikan antarabangsa (BERA, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kesimpulan Bab

Bab ini menghuraikan metodologi kajian yang digunakan untuk menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam membantu murid mengembangkan isi karangan perbahasan Bahasa Tamil. Perbincangan merangkumi reka bentuk kajian kuasi-eksperimen, persampelan bertujuan bagi pemilihan guru dan murid, serta penggunaan temu bual separa berstruktur, ujian pra dan ujian pasca sebagai kaedah pengumpulan data.

Analisis data dijalankan melalui analisis tema bagi temu bual guru dan analisis deskriptif bagi skrip karangan murid berdasarkan panduan pemarkahan rasmi SPM. Prosedur kajian dilaksanakan secara sistematik dalam tiga fasa—ujian pra, intervensi PdPc

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selama lapan minggu berasaskan pembelajaran masteri dan teknik PEEL, serta ujian pasca. Aspek etika penyelidikan turut dipatuhi sepenuhnya bagi menjamin kerahsiaan dan kebajikan peserta.

Keseluruhan metodologi ini menyediakan asas yang mantap untuk memperoleh dapatan yang sah, boleh dipercayai dan selaras dengan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan


Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis data kualitatif dan kuantitatif berdasarkan objektif serta persoalan kajian. Dapatan dibentangkan mengikut tiga komponen utama iaitu masalah yang dihadapi murid dalam penulisan karangan perbahasan berdasarkan temu bual lima orang guru bahasa Tamil, dapatan ujian pra dan ujian pasca murid serta dapatan PdPc lapan minggu intervensi menggunakan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL. Penyusunan dapatan dalam bab ini bertujuan memaparkan corak dan perubahan skor serta ciri penulisan murid sebelum, semasa dan selepas intervensi, berdasarkan instrumen kajian yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.1 Profil Responden Kajian

Rajah 4.1 : Taburan Jantina Murid Kajian




Rajah 4.1 menunjukkan bahawa taburan jantina murid adalah agak seimbang. Kajian ini melibatkan dua kumpulan responden utama iaitu 15 orang murid tingkatan lima dan lima orang guru bahasa Tamil. Dari segi jantina, murid terdiri daripada lapan orang lelaki dan tujuh orang perempuan. Kesemua murid dikenal pasti berada pada tahap pencapaian sederhana dalam kemahiran penulisan karangan perbahasan sebelum intervensi dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2 : Taburan Pengalaman Mengajar Guru bahasa Tamil



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2 memperlihatkan variasi pengalaman mengajar guru yang terlibat dalam kajian ini. Kepelbagaian ini menyumbang kepada kepelbagaian perspektif profesional dalam dapatan temu bual yang diperoleh. Latar belakang pengalaman mengajar guru adalah seperti berikut: seorang guru mempunyai pengalaman mengajar antara 10 hingga 15 tahun, dua orang guru antara 15 hingga 20 tahun, seorang guru antara 20 hingga 25 tahun, dan seorang lagi antara 25 hingga 30 tahun. Kepelbagaian tempoh pengalaman ini membolehkan pemerolehan pandangan profesional yang lebih menyeluruh dan matang berkaitan masalah sebenar yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat demografi ini penting bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang latar belakang responden kajian, selain membantu meningkatkan kesahan dalaman dapatan kajian yang diperoleh.

4.2 Dapatan Kualitatif

4.2.1 Latar Belakang Guru Temu Bual

Temu bual separa berstruktur telah dijalankan dengan lima orang guru Bahasa Tamil daripada sekolah menengah harian di negeri Pulau Pinang bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan. Kesemua guru mempunyai pengalaman mengajar antara 10 hingga 30 tahun, khususnya dalam mengendalikan penulisan karangan di peringkat menengah atas dan menyediakan murid bagi peperiksaan SPM.

Pemilihan guru yang berpengalaman luas membolehkan pemerolehan pandangan yang mendalam tentang realiti pengajaran penulisan karangan perbahasan serta cabaran yang dihadapi oleh murid. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian, direkod dengan persetujuan responden, dan dianalisis melalui kaedah analisis tema bagi mengenal pasti pola berulang dalam maklum balas guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Masalah Murid dalam Penulisan Karangan Perbahasan

Hasil temu bual bersama lima orang guru bahasa Tamil sekolah menengah menunjukkan bahawa murid menghadapi beberapa cabaran utama dalam menguasai kemahiran penulisan karangan perbahasan. Dapatan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tema dan lima tema utama telah dikenal pasti iaitu ketidakupayaan mengembangkan isi, kesukaran menyusun isi mengikut format, kekurangan kosa kata, kegagalan memberikan contoh atau bukti sokongan serta kelemahan tatabahasa.

4.2.2.1 Ketidakupayaan Mengembangkan Isi Perenggan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semua guru menekankan bahawa masalah utama murid ialah ketidakupayaan mengembangkan isi dengan teratur dan mendalam. Murid lazimnya menyatakan isi secara ringkas tanpa penjelasan, contoh atau justifikasi yang kukuh. Guru-guru turut menjelaskan bahawa murid tidak memahami struktur perenggan lengkap dan sering mengulang isi tanpa huraian yang bermakna.

> *Murid hanya tulis isi utama, tetapi tidak huraikan, tidak beri contoh, dan tiada penegasan. Mereka tahu isi tetapi tidak tahu untuk meneruskan isi tersebut sebab mereka kurang membaca. Jadi mereka tahu perkara tetapi apa yang ada dalam perkara tersebut, mereka kurang tahu. Hal ini menyebabkan perenggan mereka nampak pendek. Apabila mereka paksa diri untuk fikir dan tulis sesuatu, mereka mengulang perkara yang sama dan hal ini maka kesinambungan ayat terjejas. - Guru A*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, guru berpandangan bahawa murid mempunyai idea asas, tetapi gagal mengembangkan idea tersebut kepada huraian yang mendalam dan tersusun. Keadaan ini menyebabkan perenggan kelihatan pendek, berulang serta tidak menunjukkan perkembangan isi yang matang.

4.2.2.2 Kesukaran Menyusun Huraian Mengikut Format

Guru menyatakan murid tidak menguasai struktur huraian yang betul dan gagal mengekalkan kesinambungan idea. murid sering menyusun isi secara rawak tanpa mematuhi urutan komponen seperti pernyataan isi utama, isi sampingan, huraian, contoh dan ayat penegas. Hal ini menyebabkan perenggan tidak berkembang dengan baik dan huraian menjadi lemah serta sukar difahami.

> *Murid sebenarnya ada isi, tetapi mereka tidak tahu susunan yang betul. Kadang-kadang contoh diletakkan di awal perenggan, isi utama pula di tengah, dan ayat penegas langsung tidak ada. Bila dibaca, huraian mereka jadi keliru dan tidak berkembang. - Guru C*

> *Bila mereka menulis huraian, gaya bahasa itu sama seperti mereka bercakap dengan rakan. Ada ayat seperti 'bagi saya lah', 'macam tu sahaja', 'saya rasa kan', yang langsung tidak sesuai dalam karangan. Ini menyebabkan karangan nampak tidak formal, tidak matang dan kurang meyakinkan sebagai penulisan huraian. - Guru D*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.3 Kekurangan Kosa Kata

Guru melaporkan bahawa murid mempunyai perbendaharaan kata yang terhad dan sukar memilih perkataan tepat bagi menyampaikan huraian secara matang. Kekurangan kosa kata menjadikan penulisan murid hambar dan tidak mampu menampilkan gaya huraian yang matang. Murid juga kerap mengulang perkataan yang sama, menggunakan istilah yang tidak sesuai dengan konteks, serta gagal membezakan antara kosa kata umum dan kosa kata khusus yang diperlukan untuk penulisan beraras tinggi. Situasi ini menjejaskan kejelasan mesej dan mengurangkan kepercayaan dalam penulisan mereka.

> *Kosa kata mengikut bidang sangat penting untuk penulisan karangan SPM. Murid tulis isi utama dengan baik, tetapi apabila mula menerangkan isi tersebut mereka seperti tidak dapat mencari perkataan yang sesuai dengan tajuk atau isi utama tersebut. Hal ini sebab mereka tidak tahu kosa kata mengikut bidang. Maka, mereka menggunakan perkataan yang asas sahaja menyebabkan karangan mereka kurang menarik dan kehilangan markah bahasa dalam karangan. - Guru B*

4.2.2.4 Kegagalan Memberikan Contoh atau Bukti Sokongan

Guru menyatakan murid sering memberikan kenyataan umum tanpa fakta atau contoh konkrit sebagai sokongan huraian. Murid hanya menulis pendapat secara umum tanpa mengaitkannya dengan situasi sebenar, data, peristiwa atau contoh spesifik yang dapat mengukuhkan huraian. Kekurangan bukti ini menyebabkan penulisan mereka kurang kukuh, tidak meyakinkan serta gagal menunjukkan tahap pemikiran kritis yang diperlukan dalam penulisan karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Murid gagal memberikan contoh yang kukuh untuk isi mereka. Kadang-kadang mereka tahu isu atau perkara tersebut tetapi mereka tidak dapat kaitkan dengan isu yang mereka sedang menulis dan tidak dapat menyampaikan isu tersebut dalam bentuk tulisan. Hal ini menjadi punca isi mereka nampak lemah. - Guru A*

Menurut guru-guru, murid juga kurang terdedah kepada latihan menggunakan contoh daripada situasi semasa, statistik atau pengalaman sosial yang relevan. Akibatnya, ayat huraian menjadi umum dan tidak dapat berfungsi sebagai hujah yang mantap.

4.2.2.5 Kelemahan Tatabahasa dan Struktur Ayat

Semua guru juga menekankan bahawa kelemahan tatabahasa merupakan faktor penting yang menjejaskan mutu karangan murid. Kesilapan seperti penggunaan kata kerja yang tidak tepat, ‘valimugum, valimigaa idangal’ yang tidak tepat, pembinaan ayat yang tidak gramatis menyebabkan idea sukar difahami. Selain itu, murid kerap menghasilkan ayat yang terlalu panjang, tidak tersusun atau terputus-putus sehingga menjejaskan kelancaran huraian. Kelemahan ini seterusnya mengurangkan kejelasan mesej serta merendahkan kualiti keseluruhan penulisan karangan. Selain itu, murid juga tidak mahir menggunakan kata hubung dan ayat berstruktur formal, menyebabkan huraian tidak mengalir dengan baik.

> *Kesalahan imbuhan, ayat tidak lengkap, dan susunan kata yang tidak tepat selalu berlaku. Hal ini menjejaskan kelancaran dan ketepatan makna dalam penulisan. Kesilapan ini menyebabkan ayat menjadi kabur, tidak jelas maksudnya. Situasi ini turut menunjukkan bahawa murid belum menguasai asas tatabahasa yang diperlukan untuk membina ayat yang gramatis dan mudah difahami. - Guru E*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Murid cenderung menggunakan kata hubung yang terlalu asas dan bersifat lisan, menyebabkan gaya penulisan kelihatan tidak formal. Penggunaan kata hubung yang sama secara berulang juga menandakan kekurangan variasi bahasa serta ketidakmampuan murid memilih penanda wacana yang lebih tepat untuk menghubungkan idea secara tersusun dan matang. - Guru C*

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual menunjukkan lima cabaran utama murid dalam penulisan karangan perbahasan, iaitu ketidakupayaan mengembangkan isi, kesukaran menyusun huraian mengikut format, kekurangan kosa kata, kegagalan memberikan contoh/bukti sokongan, serta kelemahan tatabahasa.

4.3 Dapatan Kuantitatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini membincangkan dapatan kuantitatif berdasarkan keputusan ujian pra dan pasca yang dijalankan untuk menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri dalam meningkatkan kemahiran perkembangan isi karangan murid. Ujian pra dan pasca dinilai menggunakan rubrik penilaian karangan bahasa Tamil SPM.


4.3.1 Dapatan Ujian Pra

Ujian pra dijalankan bertujuan untuk menilai tahap awal penguasaan kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan dalam kalangan 15 orang murid tingkatan 5 sebelum intervensi dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.3: Dapatan Ujian Pra Murid



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, keputusan ujian pra menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid berada pada kategori sederhana rendah dengan tiada murid memperoleh markah melebihi 60%. Keadaan ini menggambarkan bahawa keupayaan mereka dalam menghuraikan isi, memberikan contoh serta membina perenggan yang lengkap masih lemah.

Daripada keseluruhan murid, seramai enam orang (40%) berada dalam julat 45 - 49%, menunjukkan kecenderungan murid untuk menulis isi secara asas tanpa penghuraian yang mantap. Kumpulan ini mampu mengenal pasti idea utama tetapi tidak dapat menghuraikan idea tersebut menggunakan ayat lanjutan yang menjelaskan sebab, kesan atau perincian yang relevan. Masalah utama yang dikenal pasti ialah kecenderungan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mengulang isi tanpa perkembangan, menulis ayat yang terlalu ringkas dan tidak jelas serta memberi contoh yang kurang tepat atau tidak berkaitan dengan perenggan.

Selain itu, lima orang murid (33.3%) memperoleh markah dalam lingkungan 50 - 54%. Murid dalam kategori ini menunjukkan sedikit keupayaan untuk menghuraikan isi, namun penghuraian yang diberikan masih ringkas dan tidak konsisten. Mereka mampu menyatakan isi dengan ayat yang lebih tersusun berbanding kumpulan sebelumnya, namun masih belum dapat mengukuhkan isi dengan contoh khusus yang menyokong huraian. Kesalahan bahasa yang menjejaskan ketepatan idea juga sering berlaku, menyebabkan penulisan sukar difahami atau tidak mencapai tahap kualiti yang diperlukan dalam karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dua orang murid (13.3%) pula mencapai skor 55 - 59% iaitu skor tertinggi dalam ujian pra. Murid dalam kategori ini menunjukkan usaha untuk menghasilkan perenggan yang agak lengkap dengan elemen isi, penghuraian dan contoh, namun masih terdapat kelemahan dari segi kedalaman huraian serta ketepatan contoh yang digunakan. Walaupun terdapat bukti bahawa mereka memahami konsep asas perkembangan isi. Kemampuan mereka untuk menganalisis isu dan memberikan huraian yang kukuh masih belum stabil dan memerlukan latihan sistematik.

Ketiadaan murid yang memperoleh markah 60% ke atas menunjukkan bahawa semua murid berada dalam kategori penguasaan sederhana rendah dan memerlukan bimbingan intensif untuk menguasai kemahiran menulis perenggan perbahasan yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini selari dengan hasil temu bual guru yang menyatakan bahawa murid sering menghadapi kesukaran dalam mengembangkan isi, menghuraikan idea dan menghubungkait contoh dengan huraian. Menurut guru, kelemahan paling ketara ialah ketidakupayaan murid untuk memperincikan isi dengan ayat lanjutan serta menjadikan idea lebih meyakinkan melalui contoh relevan dan penjelasan mendalam.

Secara keseluruhannya, dapatan ujian pra menunjukkan bahawa murid memiliki tahap penguasaan asas penulisan karangan tetapi masih lemah dalam penjanaan idea lanjutan, pembangunan huraian dan penggunaan contoh yang relevan. Skor yang diperoleh menggambarkan bahawa kemahiran mengembangkan isi perenggan masih berada pada tahap sederhana rendah dalam kalangan semua murid yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.3.1.1 Sokongan Dapatan Melalui Analisis Dokumen Ujian Pra

Bagi menyokong dapatan kuantitatif ujian pra, analisis dokumen terhadap skrip karangan murid turut dijalankan bagi meneliti secara langsung tahap perkembangan isi yang dihasilkan oleh murid sebelum intervensi dilaksanakan. Beberapa petikan skrip murid dipilih sebagai representasi corak penulisan yang lazim ditemui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar 4.1 : Petikan Skrip Karangan Murid Ujian Pra Murid 12



அடுத்ததாக தகவல் தொழில்நுட்பம் மாணவர்களின் கல்விக்கு உதவுகிறது. மாணவர்கள் விரைவாகவும் எளிமையாகவும் தகவல்களைத் தேட இந்தத் தகவல் தொழில்நுட்பம் உதவுகிறது. தகவல் தொழில்நுட்பத்தின் வளர்ச்சியினால் இயங்கலை வகுப்பு உருவானது. இதன் பயனால் மாணவர்கள் வீட்டில் இருந்தபடியும் கல்வி கற்க முடிகிறது. இதனால் தேர்விலும் மாணவர்கள் நல்ல தேர்ச்சி பெறுவர். ஆகவே தகவல் தொழில்நுட்பம் கல்வியைக் கவரும் வகையில் மாணவர்களுக்குக் கொண்டு சேர்க்கிறது.

Penterjemahan teks :

Seterusnya, teknologi maklumat membantu untuk pendidikan. Teknologi maklumat membantu murid mencari maklumat dengan senang dan cepat. Kepesatan teknologi maklumat mencipta kelas dalam talian. Kelas dalam talian membantu murid untuk belajar dari rumah. Hal ini menyebabkan murid mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Oleh itu, teknologi maklumat membolehkan pendidikan disampaikan dengan menarik kepada murid.

Berdasarkan petikan karangan yang dianalisis, murid menulis tentang peranan teknologi dalam membantu pendidikan serta pembelajaran dalam kelas dalam talian. Walaupun isi utama yang dinyatakan adalah relevan dengan kehendak soalan, namun tahap perkembangan idea yang ditunjukkan masih berada pada aras yang rendah.


Huraian yang dikemukakan oleh murid bersifat umum dan tidak berkembang secara mendalam. Murid hanya menyatakan bahawa teknologi membantu pembelajaran, memudahkan pencarian maklumat serta membantu mencapai keputusan yang cemerlang, namun tidak memperincikan bagaimana proses pembelajaran itu berlaku, apakah bentuk penggunaan teknologi yang spesifik, cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

talian atau kesan sebenar terhadap pencapaian akademik mereka. Kekurangan perincian ini menyebabkan perenggan yang dihasilkan kelihatan ringkas, tidak mantap dan kurang berfungsi sebagai perenggan huraian yang lengkap.

Gambar 4.2 : Petikan Skrip Karangan Murid Ujian Pra Murid 10



Penterjemahan teks :
Teknologi maklumat membantu mengeratkan hubungan. Kita dapat berkomunikasi dengan ahli keluarga atau rakan yang berjauhan dengan kita pada bila-bila masa dengan menggunakan alat-alat teknologi maklumat. Tambahan pula, ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) kita dapat perbaharui hubungan sesama ahli keluarga atau rakan yang telah lama putus hubungan.


Penerangan ini dapat dilihat dengan jelas melalui analisis dokumen karangan murid yang membincangkan peranan teknologi dalam mengeratkan hubungan. Walaupun murid menyatakan bahawa teknologi membolehkan mereka berhubung semula dengan ahli keluarga dan rakan, huraian yang diberikan masih bersifat umum dan tidak berkembang. Murid tidak memperincikan bagaimana hubungan itu dieratkan, bentuk komunikasi yang berlaku, kesan emosi terhadap individu, atau perubahan dalam corak interaksi sosial sebelum dan semasa PKP. Isi yang sepatutnya boleh dihuraikan secara mendalam melalui pengalaman sebenar, contoh situasi harian atau kesan psikologi hanya dinyatakan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sepintas lalu tanpa perkembangan idea yang jelas. Murid sekadar mampu menyatakan apa yang berlaku tetapi gagal menghuraikan bagaimana dan mengapa perkara tersebut berlaku. Akibatnya, perenggan yang dihasilkan menjadi cetek, tidak berkembang dan gagal membentuk huraian yang matang.

Gambar 4.3 : Petikan Skrip Karangan Murid Ujian Pra Murid 2



Penterjemahan petikan:

Teknologi maklumat membantu kita mendapatkan maklumat dengan mudah. Kita boleh mencari maklumat yang diperlukan melalui telefon pintar yang selalu ada di tangan kita. Hal ini menjimatkan masa kita. Tambahan pula, hal ini menjimatkan duit kita. Maka, aplikasi seperti google memang membantu kita untuk mencari maklumat dengan cepat.

Analisis dokumen ujian pra turut menunjukkan corak penulisan yang sama, iaitu isi dinyatakan secara umum tanpa contoh yang khusus. Berdasarkan petikan karangan yang ditunjukkan, murid menyatakan bahawa teknologi maklumat membantu mendapatkan maklumat dengan mudah dan menjimatkan masa. Walaupun isi utama yang dikemukakan adalah tepat, namun murid gagal mengemukakan contoh yang konkrit seperti situasi pembelajaran dalam talian, penggunaan platform pendidikan, atau pengalaman sebenar yang boleh mengukuhkan huraian tersebut. Murid sekadar menyebut aplikasi Google

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara umum tanpa menghuraikan fungsi penggunaannya dalam konteks pembelajaran atau kehidupan seharian.

Keadaan ini menunjukkan bahawa murid belum menguasai kemahiran menyokong huraian dengan bukti yang relevan dan berkesan. Kegagalan mengemukakan contoh yang tepat menyebabkan perenggan isi menjadi bersifat dangkal, tidak berkembang, dan tidak menunjukkan tahap pemikiran kritis yang tinggi. Oleh itu, kelemahan dalam memberikan contoh atau bukti sokongan dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan murid dalam membina huraian yang mantap dalam karangan perbahasan.

Keadaan ini menjelaskan dengan jelas mengapa majoriti murid hanya memperoleh skor dalam lingkungan 45% hingga 54% dalam ujian pra. Dapatan analisis dokumen ini menunjukkan bahawa sebelum intervensi dijalankan, murid masih belum menguasai kemahiran mengembangkan isi perenggan secara sistematik, berfokus dan berpandukan struktur penghuraian yang betul. Oleh itu, analisis dokumen ini selari dengan dapatan ujian pra bahawa kelemahan utama murid terletak pada ketidakupayaan untuk membina huraian yang mendalam dan menyokong isi dengan pengolahan idea yang terancang.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Dapatan PdPc Berasaskan Pendekatan Pembelajaran Masteri

Bahagian ini menghuraikan dapatan PdPc karangan perbahasan yang dilaksanakan selama lapan minggu menggunakan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL. Sepanjang tempoh intervensi, murid menulis satu karangan perbahasan setiap minggu berdasarkan tajuk yang ditetapkan. Setiap karangan diperiksa dan diberikan markah menggunakan panduan pemarkahan rasmi Bahasa Tamil SPM. Skor yang diperoleh digunakan untuk mengira skor min mingguan bagi menilai perkembangan kemahiran murid dalam mengembangkan isi secara berperingkat.

Rajah 4.4: Carta garis skor min murid bagi ujian pra, lapan minggu PdPc dan ujian pasca.



Secara keseluruhan, carta menunjukkan peningkatan skor min yang konsisten dan progresif sepanjang tempoh intervensi. Skor min ujian pra bermula pada 49.67%**,** diikuti peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beransur-ansur sepanjang lapan minggu PdPc sehingga mencapai 67.80% pada Minggu 8. Skor min seterusnya meningkat kepada 72.47% dalam ujian pasca.

Pola peningkatan ini memperlihatkan kenaikan skor min secara beransur-ansur dari minggu ke minggu sepanjang tempoh PdPc. Skor min meningkat daripada 49.67% (ujian pra) kepada 67.80% (Minggu 8) dan seterusnya 72.47% (ujian pasca). Peningkatan skor min mingguan menunjukkan pola peningkatan beransur-ansur sepanjang tempoh PdPc, daripada 49.67% (ujian pra) kepada 67.80% (Minggu 8) dan seterusnya 72.47% (ujian pasca).

4.3.2.1 Dapatan PdPc Mengikut Minggu Intervensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini menghuraikan dapatan pengajaran dan pembelajaran (PdPc) karangan perbahasan yang dilaksanakan sepanjang lapan minggu intervensi menggunakan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL. Sepanjang tempoh ini, murid dikehendaki menulis satu karangan perbahasan setiap minggu berdasarkan tajuk yang ditetapkan. Setiap karangan dinilai menggunakan panduan pemarkahan rasmi Bahasa Tamil SPM, dan skor yang diperoleh digunakan untuk mengira skor min mingguan bagi meneliti perkembangan kemahiran murid dalam mengembangkan isi secara berperingkat.

Pada minggu pertama, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Sains dan Teknologi dilaksanakan melalui pengajaran eksplisit menggunakan contoh perenggan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

model dengan penekanan kepada pembinaan ayat topik yang jelas dan relevan. Guru membimbing murid mengenal pasti isu utama sebelum memulakan penulisan. Dapatan menunjukkan peningkatan skor min kepada 53.20%**,** menandakan peningkatan awal dalam keupayaan murid membina ayat topik. Walaupun majoriti murid berjaya menyatakan isi utama dengan lebih tepat berbanding ujian pra, huraian yang diberikan masih ringkas dan belum berkembang sepenuhnya. Guru melaporkan bahawa murid menunjukkan fokus yang lebih baik semasa aktiviti mengenal pasti isi daripada bahan rangsangan, namun masih memerlukan bimbingan tambahan untuk mengembangkan huraian selepas ayat topik.

Pada minggu kedua, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Penggunaan Media Sosial dijalankan melalui perbincangan berpandu dan latihan penulisan berperingkat dengan penekanan kepada pembinaan ayat huraian. Guru membimbing murid menerangkan isi utama menggunakan ayat lanjutan yang menjelaskan sebab dan kesan. Skor min meningkat kepada 56.10%**,** menunjukkan murid mula mengembangkan isi dengan lebih jelas. Situasi bilik darjah menunjukkan murid lebih aktif berbincang sebelum menulis, dan sebahagian murid mula merujuk semula ayat topik ketika membina huraian. Walau bagaimanapun, penerangan yang diberikan masih bersifat umum dan belum disokong dengan contoh yang kukuh.

Pada minggu ketiga, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Aktiviti Kokurikulum dilaksanakan menggunakan pendekatan kontekstual dengan mengaitkan pengalaman sebenar murid dalam aktiviti sekolah. Guru membimbing murid memilih contoh yang relevan sebagai bukti sokongan kepada isi dan huraian. Skor min meningkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada 59.30%**,** menunjukkan murid mula menyokong huraian dengan contoh yang lebih sesuai. Pemerhatian PdPc menunjukkan perenggan murid menjadi lebih lengkap dengan urutan isi, huraian dan contoh, walaupun contoh yang diberikan masih ringkas. Murid mengambil masa yang lebih lama untuk menulis dan menunjukkan usaha berfikir sebelum membina perenggan.

Pada minggu keempat, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Wanita Bekerja memberi penekanan kepada pemilihan contoh yang lebih khusus dan kaitan langsung antara contoh dan isi. Guru membimbing murid mengaitkan huraian dengan situasi sebenar seperti peranan ibu bekerja dan kesannya terhadap keluarga. Skor min meningkat kepada 61.80%**,** menunjukkan murid semakin berupaya mengemukakan contoh yang berfungsi menyokong huraian. Guru melaporkan bahawa murid mula mengurangkan penggunaan contoh umum dan menunjukkan kecenderungan memilih contoh yang lebih kontekstual dan relevan dengan tajuk perbahasan.

Pada minggu kelima, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Penggunaan Telefon Pintar memberi tumpuan kepada kesinambungan antara isi, huraian dan contoh. Guru membimbing murid mengaitkan contoh dengan kesan secara lebih jelas. Skor min meningkat kepada 63.40%, menunjukkan perenggan murid menjadi lebih tersusun dan logik. Pemerhatian bilik darjah menunjukkan murid mula merancang perenggan sebelum menulis, walaupun masih terdapat perenggan yang kurang kemas dari segi ayat penegasan. Pada minggu keenam, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Makanan Segera menekankan pembinaan ayat penegas bagi merumuskan huraian perenggan. Skor min

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkat kepada **65.10%**, menunjukkan murid mula mengakhiri perenggan dengan ayat yang mengaitkan semula isi dengan tajuk. Guru melaporkan bahawa murid semakin sedar keperluan menutup perenggan secara berfungsi dan tidak berhenti pada contoh semata-mata. Murid juga mula merujuk semula ayat topik ketika membina ayat penegas bagi mengekalkan fokus perenggan.

Pada minggu ketujuh, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Kemasukan Pendatang Asing menunjukkan murid semakin berupaya membina perenggan yang hampir lengkap dengan urutan PEEL. Skor min meningkat kepada 66.50%**,** menandakan penguasaan yang lebih stabil. Perenggan murid menjadi lebih panjang dan tersusun, walaupun masih terdapat variasi tahap penguasaan antara murid. Guru mendapati murid yang sebelum ini lemah mula menunjukkan keupayaan membina perenggan lengkap dengan bantuan minimum, khususnya dalam menghuraikan kesan sosial dan ekonomi yang dibincangkan.

Pada minggu kelapan, PdPc karangan perbahasan bertajuk Kesan Perbuatan Buli menunjukkan murid mampu mengaplikasikan keseluruhan struktur PEEL secara lebih konsisten. Skor min meningkat kepada 67.80%**,** menandakan kemahiran murid semakin menghampiri tahap ujian pasca. Guru melaporkan bahawa murid menulis dengan lebih yakin dan kurang bergantung kepada contoh perenggan model. Situasi bilik darjah menunjukkan murid lebih berdikari dalam merancang isi dan huraian serta mampu menyiapkan karangan dengan kesinambungan idea yang lebih stabil berbanding minggu awal intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, dapatan PdPc sepanjang lapan minggu intervensi menunjukkan peningkatan skor min yang berperingkat dan konsisten. Peningkatan ini menggambarkan perkembangan kemahiran murid dalam mengembangkan isi melalui latihan berterusan, bimbingan guru dan maklum balas sistematik selaras dengan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL.

4.3.3 Dapatan Ujian Pasca

Ujian pasca dijalankan selepas murid melalui sesi intervensi menggunakan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL bagi menguasai kemahiran mengembangkan isi dalam karangan perbahasan.

Rajah 4.5 : Dapatan Ujian Pasca Murid



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skor yang dicapai oleh murid berada dalam julat 68% hingga 79%, dan keseluruhan murid menunjukkan peningkatan sekurang-kurangnya 20% daripada skor asal. Peningkatan konsisten ini menggambarkan bahawa murid telah menguasai aspek penulisan seperti menyatakan isi dengan jelas, menghuraikan idea secara logik, memberi contoh yang relevan dan menulis ayat penegas serta membentuk perenggan yang lengkap mengikut struktur yang betul.

Secara terperinci, seramai sembilan orang murid (60%) memperoleh skor 70% hingga 74%, menunjukkan bahawa majoriti murid sudah mencapai tahap penguasaan yang baik dalam membina perenggan perbahasan. Murid dalam kategori ini mampu mengembangkan isi dengan lebih sistematik berbanding sebelum intervensi. Mereka dapat menghuraikan isi melalui ayat lanjutan yang lebih jelas, meyakinkan serta mempunyai kesinambungan antara isi, huraian dan contoh. Perubahan ini menunjukkan bahawa latihan intensif yang diberikan semasa pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL membantu murid memahami struktur perenggan dan mengaplikasikannya dengan lebih tepat dalam penulisan.

Seterusnya, lima orang murid (33.3%) memperoleh skor 75% hingga 79% iaitu pencapaian tertinggi dalam ujian pasca. murid dalam kumpulan ini bukan sahaja mampu memberikan huraian yang terperinci tetapi juga menunjukkan kebolehan untuk mengaitkan contoh secara kritis dengan isu yang dibincangkan. Huraian yang dikemukakan lebih matang dan disokong dengan contoh khusus yang meningkatkan kualiti penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keupayaan murid menulis ayat yang lebih tersusun dan mematuhi prinsip kohesi dan koheren turut membantu menjadikan perenggan mereka lebih mantap. Skor tinggi ini menunjukkan bahawa murid telah menginternalisasi langkah-langkah penulisan yang dipelajari melalui pendekatan pembelajaran masteri serta boleh mengaplikasikannya secara konsisten.

Hanya seorang murid (6.7%) memperoleh skor di bawah 70% iaitu 68% tetapi peningkatan skor tetap berlaku berbanding prestasi ujian pra. Murid ini masih menunjukkan kelemahan dalam kemampuan menghuraikan isi secara mendalam. Namun begitu, peningkatan kira-kira 22% daripada skor pra tetap menunjukkan keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL terhadap murid yang berada pada tahap penguasaan rendah. Murid ini masih menunjukkan huraian yang kurang mendalam berbanding murid lain, namun skor pasca tetap meningkat berbanding ujian pra.

Dapatan ujian pasca secara keseluruhan menunjukkan bahawa murid telah berjaya menguasai kemahiran asas hingga lanjutan dalam penulisan perenggan karangan perbahasan. Hal ini jelas apabila murid dapat menghasilkan perenggan yang lengkap dan tersusun mengikut urutan isi utama, isi sampingan, huraian, contoh serta ayat penegas, berbanding ujian pra yang menunjukkan penulisan murid lebih bersifat ringkas, berulang dan kurang mendalam. Peningkatan skor antara 20% hingga 30% selepas intervensi menunjukkan bahawa perubahan pada tahap penguasaan kemahiran mengembangkan isi secara terperinci dan sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara keseluruhannya, keputusan ujian pasca menunjukkan peningkatan skor bagi semua murid berbanding ujian pra. Murid dapat menghasilkan perenggan yang lebih lengkap, tersusun dan mengandungi elemen isi, huraian dan contoh yang lebih jelas. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa murid mampu menulis perenggan dengan struktur yang lebih konsisten selepas melalui tempoh intervensi.

4.3.3.1 Sokongan Dapatan Melalui Analisis Dokumen Ujian Pasca

Bagi menyokong dapatan kuantitatif ujian pasca, analisis dokumen terhadap skrip karangan tiga orang murid telah dipilih untuk menunjukkan perubahan kualiti perkembangan isi selepas intervensi dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar 4.4 : Petikan Skrip Karangan Murid Ujian Pasca Murid 3



இரண்டாவதாக தகவல் தொழில்நுட்பத்தின் வளர்ச்சியால் நமது உறவுகள் மேம்படுகின்றன. கூண்டில் அடைந்திருந்தும் பறவையாய் இல்லாமல், எப்போதும் பறந்தும் கூடுகளாய் இருக்க வேண்டும். அதையே தனலையர் "சுற்றத்திற்கு அடுத்து ஆடி இருத்தல்" என்கிறார். ஆனால், கோவிட்-19 நச்சுத் தொற்று நோய் காலகட்டத்தில் எவரும் துணிச்சலோடு வீட்டின் வாசற்படியைத் தாண்டவில்லை. உயிர்ப்பயத்தில் வீட்டிலேயே பதுங்கி மனிதன். இவ்வேளையில் தகவல் தொழில்நுட்ப வளர்ச்சி மனிதனுக்கு பேருதவியாக அமைந்தது. கடல் கடந்து வாழும் உறவுகளைப் இருக்கவும் பக்கத்து வீட்டில் வாழும் நண்பர்களாக இருக்கவும், நடமாட்ட கட்டுப்பாட்டு ஆணையினால் பல நாள் நேரில் கேட்காமல், முகம் பார்க்காமல் இருந்த நமக்கு புலனம், தொலைவழி பேசுன்ற செயலிகள் துண்டிக்கப்பட்ட உறவுகளை மீண்டும் புதுப்பிக்க வழிவகுத்தது. தகவல் தொழில்நுட்பம் ஆக, உறவுகள் மேம்படுவதற்குத் தகவல் தொழில்நுட்பம் மிகப் பெரிய பங்கு வகிக்கிறது என்றால் அது மறுப்பதற்கில்லை.

Penterjemahan teks :
Kedua, kepesatan teknologi maklumat mengeratkan hubungan kita. Peribahasa tamil menyatakan bahawa jangan jadi seperti burung yang terperangkap dalam sangkar, jadilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti helang yang terbang ke mana-mana. Perumpamaan ini juga dinyatakan dalam ‘kondrai venthan’ oleh tokoh tamil ‘Auvaiyar’ sebagai adalah lebih baik kita hidup dengan sanak saudara. Tetapi pada waktu Covid-19 sedang merebak tiada seorang pun yang berani keluar rumah. Manusia menyorok dalam rumah sebab takut terkena jangkitan dan takut mati. Di waktu beginilah kepesatan teknologi maklumat menolong manusia. Tidak kiralah saudara atau rakan kita berada di seberang laut ataupun di sebelah rumah, kita tidak dapat mendengar suara dan melihat muka sesiapa pun pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan. Pada waktu begini aplikasi teknologi maklumat seperti ‘Whatsapp”, ‘Telegram’ membantu kita memperbaharui hubungan yang lama terputus. Maka, tidak dapat dinafikan bahawa teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam meningkatkan hubungan sesama manusia.

Berdasarkan analisa dokumen murid 1, jelas menunjukkan bahawa murid telah berjaya mengembangkan isi perenggan dengan lebih lengkap dan terperinci berbanding penulisan dalam ujian pra. Murid bukan sahaja menyatakan isi utama bahawa teknologi maklumat mengeratkan hubungan sesama manusia, malah turut menyokong huraian tersebut dengan penggunaan peribahasa serta perbandingan yang relevan. Penggunaan perumpamaan seperti keadaan manusia yang “terperangkap dalam sangkar” menunjukkan keupayaan murid mengolah idea secara lebih kreatif dan bermakna.

Selain itu, murid turut mengaitkan isi dengan situasi sebenar semasa tempoh Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Huraian yang diberikan bukan lagi bersifat umum, sebaliknya disokong dengan contoh khusus seperti penggunaan aplikasi “WhatsApp” dan “Telegram” untuk berhubung dengan ahli keluarga dan rakan. Contoh yang digunakan adalah relevan dengan konteks kehidupan sebenar dan mampu mengukuhkan huraian yang dibina. Berdasarkan petikan, murid telah mula mengaplikasikan kemahiran memberi contoh yang tepat dan berfungsi sebagai bukti sokongan kepada isi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dari segi struktur perenggan, murid juga telah menunjukkan perkembangan yang lebih sistematik dengan jelas memaparkan urutan isi, huraian, contoh dan ayat penegas. Ayat-ayat yang digunakan lebih panjang, tersusun dan menunjukkan kesinambungan idea yang baik. Ini menandakan bahawa murid telah memahami prinsip pembinaan perenggan yang lengkap serta mampu mengaplikasikan kemahiran perkembangan isi secara lebih berfokus.

Secara keseluruhannya, analisis dokumen bagi murid ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran mengembangkan isi selepas intervensi dilaksanakan. Huraian yang dikemukakan lebih bernas, disokong dengan contoh yang konkrit serta dihuraikan secara lebih mendalam. Perubahan ini menunjukkan perenggan murid selepas intervensi lebih lengkap dan terperinci, dengan penggunaan contoh yang lebih spesifik serta kesinambungan idea yang lebih jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar 4.5 : Petikan Skrip Karangan Murid Ujian Pasca Murid 15



Penterjemahan teks :
Seterusnya, teknologi maklumat juga banyak membantu dalam membolehkan proses pembelajaran diteruskan walaupun berada di tempat masing-masing. Wabak besar COVID-19 yang melanda dunia ibarat satu ketentuan takdir yang tidak dapat dielakkan. Pada ketika itu, para murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara bersemuka dan terpaksa berada di rumah. Namun demikian, teknologi maklumat telah menjadi sinar harapan kepada mereka. Teknologi telah membuktikan bahawa pembelajaran masih boleh diteruskan walaupun dari rumah. Sebagai contoh, para guru telah mengajar murid melalui kelas dalam talian. Apabila guru mengajar menggunakan kaedah yang diminati oleh murid, mereka akan turut serta dalam pembelajaran dengan penuh minat. Selain itu, apabila murid menyertai aktiviti permainan yang berkaitan dengan pelajaran, tahap pemahaman mereka terhadap sesuatu topik menjadi lebih mendalam. Hasil daripada usaha ini, dapat dilihat bahawa pada tahun tersebut, peratus kelulusan murid dalam peperiksaan SPM turut meningkat. Oleh itu, teknologi maklumat menjadi bukti terbaik bahawa kecemerlangan dalam pendidikan masih boleh dicapai walaupun tanpa hadir secara fizikal ke sekolah.

Berdasarkan analisa dokumen karangan murid 2, murid menunjukkan peningkatan yang ketara dalam aspek kesinambungan idea dan kohesi perenggan. Huraian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan berkembang secara berperingkat iaitu bermula dengan pernyataan tentang peranan teknologi dalam membolehkan pembelajaran diteruskan semasa pandemik Covid-19, diikuti dengan penerangan tentang situasi murid yang terpaksa berada di rumah, seterusnya disokong dengan contoh kelas dalam talian yang dilaksanakan oleh guru. Susunan idea yang tersusun ini menunjukkan bahawa murid telah memahami keperluan membina perenggan secara logik dan beraliran.

Selain itu, murid juga berjaya mengukuhkan huraian dengan penggunaan contoh yang lebih khusus dan berfungsinya sebagai bukti sokongan. Contohnya, penglibatan murid dalam kelas dalam talian, kaedah pengajaran yang diminati serta penyertaan dalam aktiviti berunsur permainan telah dihuraikan dengan jelas sebagai faktor yang meningkatkan minat dan pemahaman terhadap pelajaran. Ini menandakan bahawa murid bukan lagi sekadar menyatakan pendapat secara umum, sebaliknya mampu mengaitkan contoh dengan kesan pembelajaran yang berlaku.


Dari segi perkembangan perenggan, murid turut menampilkan ayat penegas yang berfungsi menutup huraian dengan kemas melalui pernyataan tentang peningkatan peratus kelulusan peperiksaan SPM. Penegasan ini memperlihatkan kebolehan murid merumuskan isi secara mantap serta mengaitkan keseluruhan perbincangan dengan hasil yang konkrit. Keupayaan ini menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membina perenggan yang lengkap dari segi struktur isi, huraian, contoh dan penegasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, analisis dokumen ini menunjukkan bahawa murid telah menunjukkan peningkatan yang jelas dalam aspek kohesi, kesinambungan idea dan kejelasan huraian selepas pelaksanaan intervensi. Huraian yang dibina menjadi lebih tersusun, berfokus dan meyakinkan. Dapatan ini mengukuhkan lagi bukti bahawa pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL telah membantu murid meningkatkan keupayaan mereka membina perenggan karangan perbahasan yang lebih matang dan sistematik.

Gambar 4.6 : Petikan Skrip Karangan Murid Ujian Pasca Murid 4



தகவல் தொழில்நுட்பம் நமக்கு தகவல்களைத் உடனுக்குடன் தேடவும் அறியவும் துணைப்புரிகின்றது. முன்பொரு காலத்தில், தெரியாதவற்றை வானொலி, தொலைக்காட்சி செய்திகள் வழியாகவும் நாளிதழ் வழியாகவும் மற்றும் நூலகத்திற்குச் சென்றும் தேடி படித்து அறிந்துக் கொண் டோம். ஆனால் இக்காலகட்டத்தில் உட்கார்ந்த இடத்தில் விரல் சுட்டக்கும் நொடியில் அனைத்தையும் அறிந்து கொள்ளலாம். எடுத்துக்காட்டாக, தொலைபேசியில் "கூகல்", "Chat GPT" போன்ற செயலிகளில் கேள்வியைத் தட்டச்சு செய்தால் கண்ணிமைக்கும் நொடியில் நமக்கு பதில் கிடைத்துவிடும். தினசரி வாழ்வில் எழும் ஏன், எப்படி, எதற்கு, என்ற கேள்விகளுக்கான விடைகளையும் உலகளாவிய செய்திகளையும் இன்றைய தகவல் தொழில்நுட்பம் நமக்கு உடனுக்குடன் வழங்குகிறது. இதனால், நாம் குறைந்த நேரத்தில் குறுகிய நேரத்தில் அதிகமாக தகவல்களை அறிந்து கொள்ள முடிகிறது என்பது திண்ணம்.

Penterjemahan teks :
Teknologi maklumat membantu kita mencari dan memperoleh maklumat dengan segera. Pada zaman dahulu, perkara yang tidak diketahui diperoleh melalui siaran radio, berita televisyen, akhbar dan juga dengan pergi ke perpustakaan untuk mencari serta membaca bahan rujukan. Namun, pada masa kini, hanya dengan duduk di satu tempat dan dalam sekelip mata, segala maklumat dapat diketahui dengan mudah. Sebagai contoh, dengan menaip soalan melalui aplikasi seperti carian Google dan Chatgpt di telefon pintar, jawapan dapat diperoleh dalam beberapa saat. Dalam kehidupan seharian, segala persoalan seperti "apa", "mengapa" dan "bagaimana" serta berita dari seluruh dunia dapat diakses dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cepat melalui teknologi maklumat masa kini. Hal ini membolehkan kita memperoleh lebih banyak maklumat dalam masa yang singkat dan dengan kos yang lebih rendah.

Berdasarkan analisa dokumen murid, murid menunjukkan peningkatan yang jelas dalam aspek ketepatan penggunaan contoh dan keupayaan mengaitkan isi dengan realiti semasa. Murid bukan sahaja menyatakan bahawa teknologi maklumat membantu memperoleh maklumat dengan cepat, malah turut membandingkan keadaan masa lalu dan masa kini secara berstruktur. Perbandingan antara cara mendapatkan maklumat melalui radio, televisyen, akhbar dan perpustakaan dengan penggunaan aplikasi seperti Google dan ChatGPT memperlihatkan kematangan murid dalam mengolah isi secara kontekstual dan relevan dengan perkembangan semasa.

Selain itu, murid juga menampilkan kepelbagaian contoh yang lebih kukuh dan berfungsi sebagai bukti sokongan kepada huraian yang dikemukakan. Penggunaan aplikasi khusus seperti Google dan ChatGPT menunjukkan bahawa murid bukan lagi memberi contoh secara umum, sebaliknya mampu menamakan sumber teknologi sebenar yang digunakan dalam kehidupan seharian. Hal ini menandakan bahawa murid telah menguasai kemahiran memberi contoh yang spesifik, tepat dan menyokong isi secara berkesan.

Dari sudut perkembangan perenggan, murid turut mempamerkan kesinambungan idea yang baik apabila huraian dimulakan dengan definisi umum, diikuti dengan perbandingan zaman, seterusnya disokong dengan contoh dan diakhiri dengan kesan terhadap kehidupan seharian. Susunan ini menunjukkan bahawa murid telah mampu membina perenggan dengan aliran idea yang tersusun serta mempunyai kohesi yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mantap. Ayat-ayat yang digunakan juga lebih panjang, jelas dan menunjukkan perkembangan makna yang berperingkat.

Secara keseluruhannya, analisis dokumen ini menunjukkan bahawa murid telah berjaya meningkatkan keupayaan mereka dalam memilih contoh yang relevan, mengaitkan isi dengan situasi semasa serta membina perenggan yang lebih matang selepas intervensi dilaksanakan. Peningkatan ini selari dengan dapatan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL telah membantu murid bukan sahaja mengembangkan isi secara sistematik, malah juga meningkatkan keupayaan mereka mengaplikasikan contoh dunia sebenar dalam penulisan karangan perbahasan.

Kesimpulannya, analisis dokumen bagi ketiga-tiga petikan skrip karangan murid dalam ujian pasca menunjukkan peningkatan yang konsisten dan menyeluruh dalam kemahiran mengembangkan isi perenggan selepas intervensi dilaksanakan. Murid bukan sahaja mampu menyatakan isi utama dengan lebih jelas, malah berjaya menghuraikan isi secara lebih terperinci melalui ayat lanjutan yang berfokus serta disokong dengan contoh yang relevan dan spesifik. Penggunaan contoh dunia sebenar seperti aplikasi “WhatsApp”, “Telegram”, “Google” dan “ChatGPT” membuktikan bahawa murid telah mengaitkan huraian dengan konteks semasa secara lebih matang.

Selain itu, aspek kohesi dan koheren perenggan turut menunjukkan perkembangan yang positif. Idea disusun secara berperingkat daripada pernyataan isi, diikuti dengan huraian, contoh dan diakhiri dengan ayat penegas yang berfungsi merumuskan huraian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara kemas. Perubahan ini menunjukkan bahawa murid telah menguasai struktur pembinaan perenggan perbahasan dengan lebih sistematik berbanding sebelum intervensi, yang sebelum ini didapati bersifat ringkas, berulang dan kurang mendalam.

Dari sudut kualiti huraian pula, murid telah menunjukkan kebolehan mengaitkan sebab dan kesan, membuat perbandingan serta menggunakan kesimpulan yang lebih mantap. Huraian yang dikemukakan menjadi lebih bernas, meyakinkan dan tidak lagi bersifat deskriptif semata-mata. Secara keseluruhannya, rumusan gabungan ini selari dengan dapatan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL yang diaplikasikan telah berjaya meningkatkan keupayaan murid dalam mengembangkan isi perenggan secara berfasa, terancang dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.3.4 Perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Berdasarkan dapatan ujian pra yang menunjukkan tahap penguasaan murid berada pada kategori sederhana rendah serta dapatan ujian pasca yang memperlihatkan peningkatan yang ketara dalam aspek perkembangan isi, maka satu analisis perbandingan antara keputusan ujian pra dan ujian pasca dijalankan. Perbandingan ini bertujuan untuk menilai secara lebih menyeluruh tahap keberkesanan intervensi melalui pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL terhadap peningkatan kemahiran murid dalam mengembangkan isi karangan perbahasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.6: Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbandingan antara keputusan ujian pra dan ujian pasca murid menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dalam penguasaan kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan selepas pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL. Analisis ini amat penting kerana ia memberikan gambaran jelas tentang keberkesanan intervensi yang dijalankan serta tahap perubahan kemahiran murid selepas melalui proses pembelajaran yang lebih sistematik, tersusun dan berfasa.

Secara keseluruhan, skor min murid meningkat daripada 49.67% semasa ujian pra kepada 72.47% dalam ujian pasca. Peningkatan sebanyak 22.80 mata ini merupakan peningkatan yang besar dan jelas. Hal ini menggambarkan bahawa murid telah menguasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah mengembangkan isi dengan lebih baik setelah mengikuti modul pembelajaran berdasarkan pendekatan pembelajaran masteri. Peningkatan min ini bukan sahaja menunjukkan perubahan pada tahap pengetahuan murid, tetapi turut mencerminkan peningkatan dalam kefahaman, keupayaan aplikasi, pembentukan huraian dan kemahiran menetapkan contoh yang relevan.

Peningkatan skor individu juga jelas menunjukkan kesan positif intervensi. Semua 15 orang murid menunjukkan peningkatan skor sekurang-kurangnya 20%, dan sebahagiannya meningkat sehingga 30%. Dalam ujian pra, tiada seorang pun murid memperoleh skor melebihi 60%; namun dalam ujian pasca, hampir semua murid berada dalam julat 70% ke atas. Peratus ini menunjukkan bahawa mereka telah berjaya menguasai kemahiran mengembangkan isi sebagaimana yang ditetapkan dalam objektif pembelajaran.

Secara keseluruhan, skor min meningkat daripada 49.67% (ujian pra) kepada 72.47% (ujian pasca), iaitu peningkatan sebanyak 22.80 mata. Dari segi skor individu, semua 15 orang murid menunjukkan peningkatan antara 21% hingga 25%, dan julat skor berubah daripada 45%–55% (ujian pra) kepada 68%–79% (ujian pasca). Dari aspek kualiti penulisan, skrip ujian pasca menunjukkan perenggan murid lebih panjang dan lebih lengkap, dengan susunan isi, huraian, contoh dan ayat penegas yang lebih konsisten berbanding ujian pra.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Rumusan

Bab ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan dua instrumen utama, iaitu temu bual guru serta ujian pra dan ujian pasca murid, di samping dapatan PdPc lapan minggu intervensi. Secara keseluruhan, dapatan kualitatif daripada temu bual lima orang guru Bahasa Tamil menunjukkan lima tema masalah utama murid dalam penulisan karangan perbahasan, iaitu ketidakupayaan mengembangkan isi, kesukaran menyusun huraian mengikut format, kekurangan kosa kata, kegagalan memberikan contoh atau bukti sokongan, serta kelemahan tatabahasa dan struktur ayat.

Dapatan kuantitatif ujian pra menunjukkan tahap penguasaan awal murid berada pada kategori sederhana rendah dengan skor min sebanyak 49.67%, dan skor individu berada dalam julat 45% hingga 55%. Analisis dokumen ujian pra turut menunjukkan corak penulisan yang cenderung menyatakan isi secara umum, dengan huraian yang ringkas serta contoh yang tidak spesifik.

Seterusnya, dapatan PdPc berasaskan pendekatan pembelajaran masteri yang digabungkan dengan teknik PEEL menunjukkan pola peningkatan skor min mingguan yang beransur-ansur sepanjang lapan minggu, daripada 53.20% (Minggu 1) kepada 67.80% (Minggu 8). Carta garis yang dipaparkan memperlihatkan peningkatan skor min daripada 49.67% (ujian pra) kepada 67.80% (Minggu 8), dan seterusnya meningkat kepada 72.47% (ujian pasca).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ujian pasca menunjukkan skor individu berada dalam julat 68% hingga 79% dengan skor min sebanyak 72.47%. Analisis dokumen ujian pasca pula menunjukkan perenggan murid lebih lengkap dan tersusun, dengan penggunaan contoh yang lebih spesifik serta kesinambungan idea yang lebih jelas berbanding ujian pra.

Akhir sekali, perbandingan ujian pra dan ujian pasca menunjukkan semua 15 orang murid mencatat peningkatan skor antara 21% hingga 25%, dan skor min meningkat sebanyak 22.80 mata. Secara rumusannya, Bab 4 memaparkan dapatan kualitatif berdasarkan tema masalah murid, dapatan kuantitatif berdasarkan skor ujian pra dan pasca, serta dapatan PdPc mingguan sepanjang tempoh intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan perbincangan mendalam terhadap dapatan kajian yang telah dihuraikan secara terperinci dalam Bab 4 dengan menumpukan kepada proses pentafsiran, penghuraian serta justifikasi akademik berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan sejak awal penyelidikan. Perbincangan ini berasaskan analisis faktor-faktor pedagogi dan kognitif yang menyumbang kepada perubahan pencapaian murid selepas pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL dalam pengajaran penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara khusus, bab ini menghubungkaitkan dapatan kajian dengan kerangka teori dan sorotan literatur bagi memperlihatkan kesepadanan antara hasil penyelidikan dengan sokongan berdasarkan data dan bukti kajian yang telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu. Perbincangan ini bukan sahaja memberi penjelasan tentang peningkatan prestasi murid dari sudut pencapaian kuantitatif, malah turut meneliti perubahan kualitatif dari aspek penguasaan struktur huraian, pengembangan isi, kebolehan menghuraikan idea, serta keupayaan murid menggunakan contoh dan penegasan secara lebih berkesan.

Selain itu, bab ini turut merangkumi rumusan dapatan kajian mengikut objektif yang telah ditetapkan, diikuti dengan perbincangan kritikal bagi setiap dapatan tersebut. Perbincangan ini akhirnya dirumuskan dalam satu kesimpulan menyeluruh bagi menyerlahkan sumbangan kajian terhadap pengajaran kemahiran menulis, khususnya penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah, serta implikasinya terhadap amalan pedagogi secara lebih luas.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Bahagian ini merumuskan dapatan kajian yang telah dihuraikan secara terperinci dalam Bab 4 berdasarkan empat sumber utama pengumpulan data iaitu temu bual bersama guru, keputusan ujian pra, keputusan ujian pasca serta analisis dokumen penulisan murid. Kesemua sumber data ini digabungkan bagi memberikan gambaran yang menyeluruh tentang tahap penguasaan murid dalam aspek perkembangan isi karangan perbahasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebelum intervensi dijalankan serta perubahan yang berlaku selepas pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL. Pendekatan menggabungkan data temu bual, skrip karangan dan ujian pra–pasca ini selari dengan amalan kajian penulisan argumentatif semasa yang menilai kedua-dua dimensi kuantitatif dan kualitatif penulisan murid (Johan, 2024; Mallahi, 2024; Sobari et al., 2024).

Rumusan dapatan ini disusun berdasarkan objektif kajian agar setiap aspek yang dikaji dapat dihuraikan secara sistematik dan selari dengan fokus penyelidikan. Melalui rumusan ini, masalah utama yang dihadapi murid dalam penulisan karangan perbahasan dapat dikenal pasti dengan jelas, di samping menilai kesan intervensi yang dilaksanakan terhadap peningkatan pencapaian serta kualiti penulisan murid secara keseluruhan (Hikmah et al., 2023; Saprina et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Rumusan Dapatan Temu Bual Guru

Dapatan temu bual yang dijalankan bersama lima orang guru bahasa Tamil menunjukkan bahawa murid masih berhadapan dengan pelbagai kelemahan yang ketara dalam kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan. Antara masalah utama yang dikenal pasti merangkumi ketidakupayaan murid untuk menghuraikan isi secara mendalam, kesukaran menyusun huraian mengikut format yang betul, kekangan perbendaharaan kata, kegagalan memberikan contoh atau bukti sokongan yang relevan, serta kelemahan dalam penggunaan tatabahasa dan struktur ayat yang gramatis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru-guru turut menjelaskan bahawa sebahagian besar murid hanya mampu menyatakan isi secara ringkas tanpa diikuti dengan huraian yang meyakinkan. Murid juga didapati gagal menghubungkaitkan isi dengan sebab dan kesan secara logik serta kurang berupaya memberikan contoh yang tepat untuk menyokong huraian yang dikemukakan. Selain itu, terdapat juga kecenderungan murid untuk mencampurkan gaya bahasa lisan dengan bahasa penulisan formal, yang menyebabkan huraian yang dibina kelihatan tidak matang, kurang kemas dan tidak tersusun dengan baik.

Dapatan temu bual ini turut menunjukkan bahawa kekurangan kosa kata merupakan antara faktor penting yang mengehadkan keupayaan murid untuk memperluas idea dan menyampaikan huraian secara lebih berkesan. Kekangan ini menyebabkan murid sukar memilih perkataan yang tepat untuk menghuraikan isi dengan lebih mendalam, sekali gus menjejaskan kejelasan serta impak penulisan mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada temu bual guru memperlihatkan bahawa kelemahan dalam perkembangan isi karangan perbahasan bukan sahaja berpunca daripada kekurangan pengetahuan semata-mata, malah turut melibatkan aspek kemahiran bahasa, kekurangan latihan yang berstruktur serta kurang pendedahan terhadap teknik penulisan yang sistematik. Corak kelemahan ini adalah selari dengan dapatan kajian terdahulu yang melaporkan masalah serupa dalam penulisan esei argumentatif, termasuk kelemahan huraian, ketiadaan bukti sokongan dan penggunaan bahasa yang tidak matang (Hikmah et al., 2023; Saprina et al., 2021; Mohamed Mokhtar et al., 2020; Perumal & Vittyavathy,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2021; Rajendran et al., 2021). Keadaan ini mengesahkan keperluan kepada satu pendekatan pengajaran yang lebih tersusun dan berpandukan intervensi yang sesuai bagi membantu murid mengatasi kelemahan tersebut.

5.2.2 Rumusan Dapatan Ujian Pra

Keputusan ujian pra menunjukkan bahawa tahap penguasaan awal murid dalam kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan berada pada tahap yang masih lemah iaitu dalam kategori sederhana rendah. Skor murid hanya berada dalam julat antara 45% hingga 55%, dengan nilai purata sebanyak 49.67%. Tiada seorang pun murid yang memperoleh markah melebihi 60%, sekali gus menunjukkan bahawa majoriti murid belum menguasai kemahiran pengembangan isi dengan baik sebelum intervensi dilaksanakan.

Analisis terhadap corak penulisan murid dalam ujian pra mendapati bahawa kebanyakan murid hanya mampu menyatakan isi utama secara asas tanpa disertakan dengan huraian yang mantap, contoh yang relevan serta penegasan yang jelas. Perenggan yang dibina didapati bersifat ringkas, berulang-ulang dan tidak berkembang secara logik. Idea yang dikemukakan sering terhenti pada peringkat penyataan sahaja tanpa dilanjutkan dengan penerangan yang lebih mendalam. Selain itu, murid turut menunjukkan kelemahan dalam membina ayat lanjutan serta menghubungkan idea secara koheren antara satu ayat dengan ayat yang lain, menyebabkan kesinambungan huraian menjadi lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, dapatan ujian pra memperlihatkan bahawa murid masih belum menguasai struktur penulisan perenggan huraian dengan berkesan. Kelemahan ini menandakan bahawa murid memerlukan satu bentuk intervensi pedagogi yang lebih sistematik, berfasa dan berpandukan teknik yang jelas bagi membantu mereka mengembangkan isi karangan perbahasan secara lebih terancang, matang dan berkesan. Keputusan ini sejajar dengan penemuan kajian lepas yang menunjukkan murid sering gagal memanjangkan idea, mengekalkan koheren perenggan dan menggunakan sokongan bukti yang mencukupi dalam penulisan argumentatif (Johan, 2024; Mallahi, 2024; Sobari et al., 2024; Saprina et al., 2021).

5.2.3 Rumusan Dapatan Ujian Pasca

Keputusan ujian pasca menunjukkan bahawa berlaku peningkatan yang sangat ketara dalam prestasi murid selepas pelaksanaan intervensi melalui pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL. Skor yang dicapai oleh murid berada dalam lingkungan 68% hingga 79%, dengan nilai purata sebanyak 72.47%. Peningkatan ini memperlihatkan bahawa semua murid menunjukkan lonjakan prestasi antara 20% hingga 30% berbanding keputusan yang diperoleh dalam ujian pra.

Sebahagian besar murid telah berjaya mencapai tahap penguasaan yang baik dalam pembinaan perenggan perbahasan selepas intervensi dijalankan. Murid bukan sahaja dapat menyatakan isi dengan lebih jelas, malah mampu mengembangkan isi secara lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sistematik melalui penggunaan ayat lanjutan yang tersusun, contoh yang lebih relevan serta ayat penegas yang lebih mantap. Dari segi struktur penulisan pula, perenggan yang dihasilkan selepas intervensi menunjukkan susunan idea yang lebih teratur, tersusun secara logik serta mempunyai kesinambungan yang lebih jelas antara satu ayat dengan ayat yang seterusnya.

Secara keseluruhannya, dapatan ujian pasca ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan telah memberi kesan yang sangat positif terhadap keupayaan murid dalam mengembangkan isi karangan perbahasan. Peningkatan yang berlaku bukan sahaja melibatkan aspek penyataan isi, malah merangkumi keupayaan menghuraikan idea, menggunakan contoh yang bertepatan serta membentuk penegasan huraian yang lebih berkesan dan meyakinkan. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian intervensi yang menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri mampu meningkatkan pencapaian murid secara jelas apabila pengajaran disusun secara berfasa dengan penekanan kepada penguasaan sepenuhnya sebelum beralih ke topik baharu (Nurdani et al., 2021; Naquiah Nahar et al., 2022; Akinpelu et al., 2024; Mohamad, 2024; Education Endowment Foundation, 2024).

5.2.4 Rumusan Dapatan Analisis Dokumen Penulisan Murid

Analisis terhadap dokumen penulisan murid sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi memperlihatkan perubahan yang ketara dari segi kualiti penulisan yang dihasilkan. Dalam ujian pra, kebanyakan penulisan murid didapati bersifat umum, cetek dan kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkembang. Huraian yang diberikan selalunya tidak disokong oleh contoh yang khusus atau situasi yang jelas, manakala ayat penegas pula sering gagal menunjukkan hubungan yang kukuh dengan isi utama perenggan. Keadaan ini menyebabkan perenggan yang dihasilkan kelihatan lemah, tidak meyakinkan dan kurang mantap dari sudut penghuraian. Sebaliknya, selepas intervensi dilaksanakan, analisis terhadap skrip ujian pasca menunjukkan peningkatan yang sangat jelas dalam kebolehan murid membina perenggan perbahasan yang lebih terancang. Murid dapat menyatakan isi dengan lebih jelas dan fokus, seterusnya menghuraikan isi tersebut melalui ayat lanjutan yang lebih relevan dan logik. Huraian yang dikemukakan turut disokong dengan contoh-contoh yang lebih konkrit dan sesuai dengan konteks, di samping diakhiri dengan ayat penegasan yang lebih tepat dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, penggunaan penanda wacana dalam penulisan murid juga menunjukkan peningkatan yang jelas. Penanda wacana tidak lagi digunakan secara rawak, sebaliknya berfungsi dengan lebih tersusun untuk menghubungkan idea antara ayat dan antara perenggan. Keadaan ini membuktikan bahawa murid telah mula menguasai kemahiran membina kesinambungan idea secara lebih koheren dan teratur dalam penulisan karangan perbahasan mereka. Perubahan ini adalah sejajar dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan strategi berstruktur dan latihan berfokus membantu meningkatkan kejelasan, koheren dan penggunaan penanda wacana dalam penulisan murid, termasuk dalam konteks Bahasa Tamil (Perumal & Vittyavathy, 2021; Rajendran et al., 2021; Sivanadhan & Thiagu, 2020; M.Menu, 2021; Sobari et al., 2024; Anusia & Muniisvaran, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.5 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa sebelum intervensi dilaksanakan, murid menghadapi kelemahan yang serius dan berterusan dalam kemahiran mengembangkan isi karangan perbahasan. Kelemahan ini bukan sahaja melibatkan ketidakupayaan membina isi utama yang mantap, malah turut merangkumi kelemahan dalam menghuraikan isi secara mendalam, kegagalan memberikan contoh yang relevan serta ketidakcekapan membentuk struktur perenggan yang tersusun dan koheren. Keputusan ujian pra, analisis dokumen penulisan murid serta dapatan temu bual bersama guru-guru bahasa Tamil saling menyokong antara satu sama lain, sekali gus selari dengan dapatan masalah ini bersifat menyeluruh dan memerlukan satu bentuk intervensi pengajaran yang lebih terancang, sistematik dan berfasa. Dapatan ini selari dengan gambaran umum yang dikemukakan dalam kajian-kajian lepas berkaitan penulisan karangan Bahasa Tamil dan esei argumentatif yang turut melaporkan cabaran murid dalam menjana idea, membina huraian dan menghasilkan penulisan yang koheren (Perumal & Vittyavathy, 2021; Rajendran et al., 2021; Johan, 2024; Mallahi, 2024; Anusia & Muniisvaran, 2024).

Selepas pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL, murid menunjukkan peningkatan yang ketara dan konsisten dari segi prestasi akademik serta kualiti penulisan yang dihasilkan. Murid bukan sahaja berjaya memperoleh skor yang lebih tinggi dalam ujian pasca, malah turut memperlihatkan perubahan yang jelas dalam cara mereka membina perenggan huraian yang lebih matang, teratur dan meyakinkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan ini mengukuhkan dapatan kajian terdahulu yang menegaskan kepentingan pendekatan berasaskan penguasaan dan penggunaan strategi penulisan berstruktur dalam meningkatkan kemahiran menulis murid (Nurdani et al., 2021; Akinpelu et al., 2024; Perumal & Vittyavathy, 2021; Vikneswary Rengasamy & Suthagar Narasuman, 2022).

Rumusan dapatan ini menunjukkan bahawa Objektif Kajian 1 telah dicapai melalui temu bual guru yang mengenal pasti masalah murid, Objektif Kajian 2 telah direalisasikan melalui pelaksanaan PdPc berasaskan pembelajaran masteri berpandukan PEEL sepanjang lapan minggu, manakala Objektif Kajian 3 dibuktikan melalui peningkatan skor ujian pra–pasca serta perubahan kualitatif dalam analisis dokumen penulisan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian secara lebih mendalam dengan meneliti aspek pedagogi, kognitif serta struktur pengajaran yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL dalam meningkatkan kemahiran perkembangan isi karangan perbahasan bahasa Tamil dalam kalangan murid tingkatan Lima. Perbincangan ini dibuat secara kritis dengan mengaitkan dapatan kajian semasa dengan sorotan literatur yang telah dibincangkan dalam Bab 2 bagi memastikan dapatan yang diperoleh bukan sahaja jelas secara empirikal, malah disokong secara teori dan saintifik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui perbincangan ini, ciri-ciri utama pendekatan pembelajaran masteri seperti penguasaan berperingkat, pemantauan berterusan, maklum balas segera serta pemulihan sistematik diteliti bagi menjelaskan sumbangannya dalam membantu murid membina kemahiran menulis huraian secara lebih terancang dan bermakna. Dalam masa yang sama, peranan teknik PEEL sebagai alat penstrukturan idea turut dihuraikan bagi menjelaskan perubahan ketara yang ditunjukkan dalam kualiti huraian, penggunaan contoh serta pembinaan ayat penegas dalam perenggan murid.

5.3.1 Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Masteri terhadap Penguasaan Kemahiran Mengembangkan Isi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peningkatan skor ujian pasca yang jelas dalam kajian ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berfungsi dengan berkesan sebagai satu kerangka pedagogi yang menekankan penguasaan berperingkat, latihan berpandu, pemantauan berterusan serta pemulihan secara sistematik. Pendekatan ini memberi peluang kepada murid untuk benar-benar menguasai sesuatu kemahiran sebelum dibenarkan beralih kepada tahap seterusnya. Keadaan ini secara langsung telah membantu murid membina kefahaman yang lebih kukuh terhadap struktur perenggan huraian dan cara mengembangkan isi secara tersusun.

Keberkesanan ini selari dengan dapatan kajian Nurdani et al. (2021) yang menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan pembelajaran masteri secara berfasa berjaya meningkatkan peratus kelulusan murid daripada 92% kepada 100% melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa kitaran intervensi. Dapatan tersebut mengukuhkan lagi pandangan bahawa pendekatan pembelajaran masteri bukan sahaja berkesan meningkatkan pencapaian akademik, malah mampu memperkukuh asas penguasaan kemahiran secara berperingkat dalam tempoh masa tertentu.

Selain itu, kajian Naquiah Nahar et al. (2022) turut menyokong dapatan kajian ini dengan menegaskan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berupaya meningkatkan kefahaman murid melalui pengajaran yang disusun secara bertahap daripada aras mudah kepada aras sukar, di samping memastikan penguasaan benar-benar berlaku sebelum murid diperkenalkan dengan topik yang baharu. Dalam konteks kajian ini, murid yang sebelum ini gagal membina perenggan huraian secara terancang telah menunjukkan keupayaan mengembangkan isi dengan lebih sistematik selepas mengikuti latihan berasaskan pendekatan masteri berpandukan teknik PEEL.

Kajian Akinpelu et al. (2024) pula mengesahkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik serta mengurangkan jurang pencapaian antara murid berprestasi rendah, sederhana dan tinggi. Penemuan ini adalah selari dengan dapatan kajian semasa yang menunjukkan bahawa semua kategori murid tanpa mengira tahap awal telah memperlihatkan peningkatan yang konsisten dalam kemahiran mengembangkan isi. Hal ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri bersifat inklusif dan tidak tertumpu kepada golongan murid tertentu sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dapatan Mohamad (2024) turut membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri membantu meningkatkan bukan sahaja pencapaian akademik, malah turut memupuk minat, keyakinan diri serta kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Keadaan ini turut dapat diperhatikan dalam kajian ini apabila murid menunjukkan keyakinan yang lebih tinggi untuk menghuraikan isi, memberikan contoh yang relevan serta membina ayat penegas yang lebih matang. Oleh itu, jelas bahawa pendekatan pembelajaran masteri bukan sekadar meningkatkan prestasi akademik, malah turut membentuk keupayaan kognitif murid secara menyeluruh.

Sebagai sokongan tambahan, laporan Education Endowment Foundation (2024) turut menegaskan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berupaya meningkatkan kadar penguasaan murid secara signifikan melalui pengajaran berasaskan penguasaan, maklum balas berterusan serta pembetulan segera. Dapatan ini mengukuhkan lagi kesimpulan bahawa pendekatan pembelajaran masteri merupakan satu strategi pedagogi yang berkesan dalam membantu murid membina kemahiran mengembangkan isi karangan secara lebih tersusun dan berfokus.

5.3.2 Peranan Teknik PEEL dalam Struktur Perkembangan Isi

Peningkatan kualiti perenggan murid selepas pelaksanaan intervensi membuktikan bahawa teknik PEEL berfungsi sebagai satu alat penstrukturan kognitif yang sistematik bagi membantu murid menyusun huraian secara lebih logik dan teratur. Sebelum intervensi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid cenderung menulis perenggan secara rawak tanpa susunan yang jelas, namun selepas pendedahan kepada teknik PEEL, murid didapati lebih terarah dalam membina perenggan berdasarkan urutan Penyataan Isi, Huraian, Contoh dan Penegasan. Struktur yang jelas ini membantu murid memahami fungsi setiap ayat dalam perenggan dan memastikan idea yang disampaikan berkembang secara berperingkat.

Peranan teknik PEEL ini adalah selari dari segi fungsi dengan dapatan kajian M.Menu (2021) yang menunjukkan bahawa pendekatan *Nunnia Vaasippu* (close reading) membantu murid mengenal pasti kehendak soalan, menjana isi, membina peta minda serta menghasilkan perenggan yang lebih koheren dan bernas. Begitu juga dengan kajian Sivanadhan dan Thiagu (2020) yang membuktikan bahawa penggunaan Teknik Empat Fasa membantu murid membina perenggan secara berstruktur melalui fasa perancangan, peluasan idea, pengolahan dan peneguhan, sekali gus meningkatkan kejelasan dan kesinambungan huraian.

Dalam konteks kajian ini, teknik PEEL memainkan fungsi yang setara sebagai satu alat pemetaan idea dan kawalan struktur huraian. Teknik ini membimbing murid untuk mengekalkan fokus perenggan, memastikan setiap isi dihuraikan dengan teratur, disokong bukti yang relevan serta diakhiri dengan ayat penegas yang mengukuhkan huraian. Dengan itu, setiap perenggan yang dihasilkan dapat memenuhi ciri sebuah perenggan huraian yang lengkap, tersusun dan meyakinkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai sokongan tambahan dalam konteks mutakhir, kajian Perumal dan Vittyavathy (2021) turut membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran penulisan Bahasa Tamil membantu murid mengembangkan idea secara lebih sistematik, berurutan dan koheren. Dapatan ini mengukuhkan lagi bahawa penggunaan rangka struktur visual dan kognitif seperti PEEL memainkan peranan yang penting dalam membentuk perenggan huraian yang lebih matang, fokus dan berkesan.

5.3.3 Peningkatan Keupayaan Menghasilkan Huraian dan Contoh Relevan

Masalah utama yang dikenal pasti dalam penulisan murid sebelum intervensi ialah kegagalan menghuraikan isi dengan baik serta kelemahan dalam memberikan contoh yang berfungsi sebagai bukti sokongan huraian. Kebanyakan murid hanya menyatakan isi secara umum tanpa penghuraian sebab-akibat yang jelas dan tanpa sokongan contoh yang konkrit. Selepas intervensi dilaksanakan, murid menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pembinaan ayat lanjutan, penghuraian yang lebih matang serta penggunaan contoh yang berpaksikan situasi sebenar dan pengalaman harian.

Dapatan ini adalah selari dengan kajian Perumal dan Vittyavathy (2021) yang membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran i-Think membantu murid menyusun isi secara sistematik dan menghubungkan idea utama dengan sokongan huraian dalam penulisan Bahasa Tamil. Selain itu, kajian Rajendran, Mohan dan Ponnampalam (2021) turut mengesahkan bahawa pendekatan membaca kritis bukan sahaja meningkatkan penggunaan kosa kata baharu, malah membantu membentuk struktur perenggan yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teratur serta meningkatkan keupayaan murid menghuraikan isi secara lebih matang dan bernas.

Dalam konteks penulisan argumentatif secara umum, kajian Saprina, Rosyid dan Suryanti (2021) menunjukkan bahawa kelemahan utama murid terletak pada ketidakupayaan mengembangkan idea secara mendalam dan memberikan sokongan contoh yang mantap, khususnya dalam esei argumentatif. Walau bagaimanapun, selepas murid dalam kajian ini dilatih menggunakan teknik PEEL, mereka didapati lebih mampu menghuraikan isi melalui ayat lanjutan yang berfungsi serta menyokong huraian dengan contoh yang lebih relevan dan kontekstual.

Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan huraian dan contoh tidak berlaku secara spontan atau semula jadi, sebaliknya memerlukan latihan berpandu yang sistematik dan berterusan. Keberkesanan teknik PEEL dalam kajian ini membuktikan bahawa struktur yang jelas mampu membantu murid membina huraian yang lebih mendalam dan bermakna serta menyokong huraian dengan contoh yang lebih relevan dan meyakinkan, selari dengan dapatan kajian terkini berkaitan pengajaran esei argumentatif (Johan, 2024; Sobari et al., 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Perubahan Keupayaan Berfikir Kritis dalam Pembinaan Huraian

Peningkatan penggunaan ayat sebab-akibat, contoh kritis serta penanda wacana dalam karangan murid selepas pelaksanaan intervensi menunjukkan bahawa mereka telah mula mempamerkan elemen pemikiran kritis dalam penulisan huraian. Murid bukan lagi sekadar menyatakan pendapat secara umum, sebaliknya mula mengemukakan huraian yang disokong dengan alasan, justifikasi serta contoh yang bersesuaian dengan konteks isu yang dibincangkan. Perubahan ini menepati ciri utama penulisan argumentatif yang menuntut keupayaan penaakulan, penilaian bukti dan pembentukan hujah yang logik.

Dapatan ini adalah selari dengan kajian Johan (2024) yang mendapati bahawa tahap pemikiran kritis murid dalam esei argumentatif meningkat secara signifikan apabila murid dilibatkan dalam aktiviti penulisan yang menuntut penghuraian berfokus, penaakulan sebab-akibat dan sokongan bukti yang jelas. Johan turut menegaskan bahawa struktur penulisan yang sistematik memainkan peranan penting dalam membantu murid membina huraian yang lebih kritis dan matang.

Di samping itu, kajian Mallahi (2024) pula menunjukkan bahawa kelemahan utama dalam esei argumentatif murid EFL berpunca daripada kegagalan menggunakan strategi huraian, bukti sokongan serta huraian balas secara berkesan. Keadaan ini didapati menyebabkan esei yang dihasilkan bersifat deskriptif semata-mata tanpa elemen pemikiran kritis yang mendalam. Dalam kajian ini, kelemahan tersebut berjaya dikurangkan melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

latihan PEEL yang mewajibkan setiap isi disokong dengan penghuraian dan bukti yang jelas.

Selain itu, peningkatan penggunaan penanda wacana secara lebih tepat dan berfungsi selepas intervensi turut mencerminkan perkembangan keupayaan berfikir aras tinggi murid dalam menyusun hujah secara koheren. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Sobari et al. (2024) yang membuktikan bahawa penggunaan struktur linguistik seperti konjungsi dan penanda wacana memainkan peranan penting dalam pembentukan pemikiran logik dan kesinambungan hujah dalam penulisan karangan perbahasan.

Dalam kajian ini, teknik PEEL bukan sahaja berfungsi sebagai alat penstrukturan penulisan, malah berperanan sebagai satu alat pembentukan disiplin berfikir yang melatih murid berhujah secara logik, beralasan serta disokong dengan bukti yang relevan. Pendekatan ini selari dengan dapatan Perez dan Verdin (2023) yang membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan penguasaan membantu membentuk *growth mindset*, meningkatkan daya tahan kognitif serta menggalakkan murid menilai semula hujah mereka secara reflektif dan kritis.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa gabungan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik PEEL bukan sahaja meningkatkan kemahiran struktur penulisan murid, malah turut menyumbang secara langsung kepada perkembangan pemikiran kritis dalam pembinaan huraian karangan perbahasan yang lebih matang, rasional dan berasaskan bukti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5 Keseragaman Peningkatan dalam Kalangan Murid Lemah, Sederhana dan Baik

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa semua murid menunjukkan peningkatan prestasi tanpa mengira tahap pencapaian awal sama ada lemah, sederhana atau baik. Keadaan ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri bersifat inklusif dan mampu memberi manfaat kepada semua kategori murid. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Akinpelu et al. (2024) yang menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri berupaya mengurangkan jurang pencapaian antara pelajar berprestasi rendah dan tinggi serta meningkatkan pencapaian akademik secara seimbang merentas tahap kebolehan pelajar.

Namun begitu, kajian ini bukan sahaja membuktikan keseragaman peningkatan dari sudut skor semata-mata, malah turut menunjukkan perubahan yang ketara dari sudut keyakinan murid dalam membina huraian. Murid menjadi lebih berani menyampaikan pendapat, lebih yakin menghuraikan isi dan lebih matang dalam menyokong huraian dengan contoh. Keadaan ini selari dengan dapatan Perez dan Verdin (2023) yang membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran masteri membantu membentuk pemikiran pertumbuhan (*growth mindset*), meningkatkan ketahanan emosi serta menggalakkan pembelajaran kendiri melalui peluang pembetulan berulang dan bimbingan berterusan. Keadaan ini turut menyokong dapatan kajian semasa yang menunjukkan bahawa murid lebih yakin, terbuka dan konsisten dalam membina perenggan huraian selepas intervensi dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.6 Implikasi Pedagogi terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Tamil

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran tradisional yang terlalu berfokus kepada hafalan isi dan latihan mekanikal semata-mata tidak lagi mencukupi dalam usaha membina kemahiran berhujah secara kritis dalam kalangan murid. Pendekatan sebegini cenderung melahirkan murid yang mampu menulis secara permukaan tetapi lemah dari segi penghuraian, pertimbangan rasional dan sokongan huraian. Penemuan ini selari dengan dapatan kajian Anusia dan Muniisvaran (2024) yang menunjukkan bahawa amalan pengajaran penulisan karangan fakta di sekolah menengah jenis kebangsaan Tamil masih cenderung berpusatkan guru dan berfokus kepada hasil akhir berbanding proses pembinaan huraian secara sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, gabungan pendekatan pembelajaran masteri dan teknik PEEL telah terbukti berkesan dalam membina keupayaan murid secara berfasa, sistematik dan bermakna. Murid bukan sahaja dibimbing untuk membina struktur perenggan yang betul, malah turut dilatih untuk membina huraian yang logik, disokong bukti serta disampaikan dalam bentuk yang koheren dan meyakinkan. Dapatan ini selari dengan kajian Sivanadhan dan Thiagu (2020) serta Perumal dan Vittyavathy (2021) yang membuktikan bahawa pengajaran berstruktur yang menekankan fasa pembinaan idea, penghuraian dan penegasan mampu meningkatkan kualiti karangan murid secara signifikan.

Kajian Vikneswary Rengasamy dan Suthagar Narasuman (2022) pula membuktikan bahawa pengajaran karangan bahasa Tamil masih berdepan kekangan masa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekurangan latihan berfasa serta kelemahan murid dalam penjanaan isi dan penghuraian hujah. Sehubungan itu, dapatan kajian ini memberikan satu model intervensi pedagogi yang berstruktur, praktikal dan relevan khususnya untuk pengajaran karangan perbahasan bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah. Model pengajaran yang menggabungkan pendekatan pembelajaran masteri dan teknik PEEL ini bukan sahaja membantu murid menguasai struktur penulisan, malah turut menyokong perkembangan pemikiran kritis, keyakinan menulis dan keupayaan berhujah secara lebih matang.

Implikasinya, guru bahasa Tamil disarankan untuk mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang lebih berfasa, berpandukan struktur huraian yang jelas serta memberi ruang kepada pemulihan berterusan dan pengayaan berperingkat. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pencapaian akademik murid, malah turut sejajar dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan pemikiran kritis, komunikasi berkesan dan pembelajaran bermakna.

5.4 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan secara menyeluruh dapatan serta perbincangan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan, dengan menumpukan kepada keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL dalam meningkatkan kemahiran perkembangan isi karangan perbahasan bahasa Tamil dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan rumusan dapatan dalam Bahagian 5.2, kajian ini jelas menunjukkan bahawa sebelum intervensi dilaksanakan, murid menghadapi kelemahan yang ketara dalam pelbagai aspek penulisan, khususnya dari segi perkembangan isi, penyusunan huraian, pemberian contoh yang relevan serta pembinaan perenggan yang koheren. Dapatan daripada temu bual guru, keputusan ujian pra serta analisis dokumen penulisan murid secara konsisten memperlihatkan bahawa murid cenderung menghasilkan perenggan yang bersifat cetek, tidak berkembang secara mendalam serta tidak disusun secara sistematik. Keadaan ini membuktikan bahawa masalah perkembangan isi merupakan satu isu pedagogi yang serius dan memerlukan satu pendekatan pengajaran yang lebih tersusun, sistematik dan berfasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, perbincangan dalam Bahagian 5.3 telah menjelaskan bahawa peningkatan pencapaian serta kualiti penulisan murid selepas intervensi adalah berpunca secara langsung daripada ciri-ciri utama pendekatan pembelajaran masteri yang menekankan aspek penguasaan berperingkat, latihan berpandu, maklum balas berterusan serta pemulihan segera. Gabungan pendekatan pembelajaran masteri dengan teknik PEEL telah berfungsi sebagai satu rangka pedagogi yang berkesan dalam membimbing murid membina perenggan huraian secara lebih terancang, sistematik dan meyakinkan. Murid bukan sahaja menunjukkan peningkatan yang signifikan dari segi skor pencapaian dalam ujian pasca, malah turut mengalami perubahan yang ketara dalam aspek kualiti huraian, kejelasan huraian, ketepatan contoh serta keupayaan menghubungkan idea secara logik dan koheren.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan memberi impak yang menyeluruh kepada semua kategori murid, sama ada murid lemah, sederhana mahupun baik. Sepanjang pelaksanaan kajian, pendekatan pembelajaran masteri didapati bersifat inklusif dan berupaya membantu murid menguasai kemahiran penulisan secara progresif mengikut tahap kebolehan masing-masing. Di samping itu, peningkatan penggunaan ayat sebab-akibat, contoh kritis serta penanda wacana turut menunjukkan bahawa murid telah mula mempamerkan elemen pemikiran aras tinggi dalam pembinaan huraian. Perkembangan ini selari dengan keperluan penulisan karangan perbahasan yang memerlukan penaakulan, justifikasi serta sokongan bukti yang mantap.

Secara keseluruhannya, dapatan dan perbincangan dalam bab ini telah mengukuhkan huraian bahawa pengajaran penulisan karangan yang berasaskan kepada struktur yang jelas, latihan berfasa dan bimbingan berterusan berupaya meningkatkan kualiti penulisan murid secara signifikan dan mapan. Pendekatan pembelajaran masteri berpandukan teknik PEEL terbukti bukan sahaja berkesan dari sudut meningkatkan pencapaian akademik, malah turut membentuk disiplin berfikir, keyakinan menulis serta kematangan huraian dalam kalangan murid.

Dari sudut sumbangan kajian, penyelidikan ini memberikan sumbangan empirikal yang signifikan dalam bidang pengajaran penulisan bahasa Tamil dengan membuktikan bahawa gabungan pendekatan pembelajaran masteri dan teknik PEEL mampu meningkatkan kemahiran perkembangan isi karangan perbahasan secara sistematik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berstruktur. Peningkatan ini bukan sahaja dapat dilihat dari aspek pencapaian skor akademik, malah turut melibatkan peningkatan kualiti huraian, kejelasan huraian, ketepatan contoh serta perkembangan pemikiran kritis murid. Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada pengayaan amalan pedagogi bahasa Tamil dengan memperkenalkan satu model intervensi berfasa yang praktikal, berstruktur dan inklusif, sesuai digunakan merentas tahap keupayaan murid sama ada lemah, sederhana atau baik. Dapatan kajian ini sekali gus mengisi jurang penyelidikan dalam konteks penulisan karangan perbahasan bahasa Tamil, khususnya berkaitan pengaplikasian teknik PEEL melalui pendekatan pembelajaran masteri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ahmad, M., & Wilkins, S. (2024). Purposive sampling in qualitative research: A framework for the entire journey. *Quality & Quantity, 58*(1), 345–362.

Akinpelu, G. A., Salman, M. F., Akinpelu, S. A., & Ameen, K. S. (2024). Effects of mastery learning strategy on senior school students' performance in mathematics in Osogbo, Nigeria. *Discover Education, 3*(1), Article 285.

Amir, A. F., & Shaid, N. A. N. (2025). Isu dan cabaran pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 10*(58), 1256–1266.

Anusia, K., & Muniisvaran, K. (2024). Tamil language teachers' teaching practices for factual type essays in Tamil national type schools in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 13*(1).

Baharudin, F., Ramli, N. H. L., Habali, A. H. M., Azmi, A. A., & Rahmat, N. H. (2023). Process of writing: The challenges in writing skill among ESL learners. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 13*(10), 33–52.

Bloom, B. S. (1968). Learning for mastery. *Evaluation Comment, 1*(2), 1–12.

Bloom, B. S. (1976). *Human characteristics and school learning*. McGraw-Hill.

Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.

British Educational Research Association. (2024). *Ethical Guidelines for Educational Research* (5th ed.). https://www.bera.ac.uk/publication/ethical-guidelines-for-educational-research-fifth-edition-2024

Buraphadeja, V., & Srisarkun, S. (2024). Mastery learning in CS1: A longitudinal study during and post pandemic. *Discover Education, 3*, Article 260.

Cambridge Assessment English. (2023). *Linguaskill writing*.

Cornell, D. (2024, July 17). Mastery learning: 10 examples, strengths & limitations. *Helpful Professor*.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2022). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE Publications.

Education Endowment Foundation. (2024). *Mastery learning*. Education Endowment Foundation.

Gnanaselvam, P., & Pakirnathan. (2021). *The effect of teacher self-disclosure in improving ESL undergraduates' argumentative essays* (Doctoral dissertation). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Guskey, T. R. (2021). *Implementing mastery learning*. Routledge.

Hikmah, D., Khoir, F. M. N., & Universitas Nurul Jadid. (2023). Students' ability in writing English argumentative essay. *Jurnal Pendidikan, 5*(2), 272–274.

Johan, A. (2024). An analysis of critical thinking skills through argumentative essay writing. *English Journal Literacy Utama, 8*(1), 36–45.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaur, A., & Jageer Singh. (2021). *The use of peer instruction in a flipped learning environment in teaching ESL students' argumentative essay writing* (Doctoral dissertation). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kember, D. (2021). *Action learning, action research: Improving the quality of teaching and learning*. Routledge.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil Sekolah Menengah*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Garis panduan penyelidikan pendidikan KPM (Edisi 2021)*.

Lembaga Peperiksaan. (2021). *Format pentaksiran SPM – Bahasa Tamil (Kod 6354)*.

Mallahi, O. (2024). Exploring the status of argumentative essay writing strategies and problems of Iranian EFL learners. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education, 9*, 19.

Mamat, S., Kamaruddin, A. Y., Mohd Al-Fatah, S. N. K., & Manggang, M. C. F. A. (2021). Permasalahan, cabaran dan amalan pengajaran guru dalam PdPc penulisan karangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Training, 7*(Isu Khas), 1–10.

McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2021). *Research in education: Evidence-based inquiry* (8th ed.). Pearson Education.

Md. Yunus, M., Salehi, H., & Amini, M. (2022). The application of action research in ESL classroom: A practical guide. *Journal of Language and Linguistic Studies, 18*(1), 101–115.

Memon, M. A., Ting, H., Cheah, J.-H., Ramayah, T., Chuah, F., & Cham, T. H. (2025). Purposive sampling: A review and guidelines for quantitative research. *Journal of Applied Structural Equation Modeling, 9*(1), 1–20.

Menu, M. (2021). Improve essay writing skills by using critical reading approach. *Muallim Journal of Social Science and Humanities, 5*(2), 113–125.

Mohajan, H. K. (2021). Qualitative research methodology in social sciences and related subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People, 10*(1), 1–21.

Mohamad, N. I. (2024). Impak kaedah pembelajaran masteri berbantukan modul terhadap pencapaian murid Perniagaan Tingkatan Lima. *Prosiding Persidangan*.

Mohamed Mokhtar, M., & Jamil, M. (2020). Sorotan aplikasi dimensi pembelajaran Marzano dalam pembelajaran penulisan karangan argumentatif. *Journal of Social Sciences and Technical Education, 1*(1), 24–35.

Naquiah Nahar, N., Safar, J., Hehsan, A., & Junaidi, J. (2022). Mastery learning sebagai medium pengajaran Jawi berkesan. *Jurnal Teknologi dan Sains Sosial, 17*(1), 77–89.

National Council of Teachers of English. (2021). Position statement on writing assessment.

Nurdani, N., Ritonga, M., & Mursal. (2021). Mastery learning as learning model to meet the passing grade. *Firdaus Journal, 1*(1), 1–11.

OECD. (2023). *PISA 2022 creative thinking framework*. OECD Publishing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ozfidan, B. (2022). Assessment of students' argumentative writing performance through rubric-based evaluation. *Journal of Education and Learning, 11*(2), 45–56.

Perez, C., & Verdín, D. (2023). The effect of a mastery learning course on Rafael's mindset. In *Proceedings of the IEEE Frontiers in Education Conference (FIE 2023)* (pp. 1–5).

Perumal, L., & Vittyavathy, N. (2021). 21st century teaching effectiveness of use (i-Think map) in writing Tamil language. *Muallim Journal of Social Science and Humanities, 5*(4), 96–103.

Rajendran, R., Mohan, M., & Ponnampalam, S. (2021). Critical reading as an approach to enhance essay writing in Tamil. *Muallim Journal of Social Science and Humanities, 5*(4), 119–126.

Saprina, C. M., Rosyid, A., & Suryanti, Y. (2021). Difficulties in developing idea encountered by students in writing argumentative essay. *Journal of English Teaching and Linguistics Studies (JET Li), 3*(1), 48–54.

Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2021). *Research methods for business students* (8th ed.). Pearson Education.

Sivanadhan, I. S., & Thiagu, S. P. D. (2020). Improving Tamil writing skills by using the four-phase technique. *Universal Journal of Educational Research, 8*(12A), 7205–7210.

Sobari, T., Mulyadi, Y., Wikanengsih, W., & Mustika, I. (2024). Role of conjunctions and students' cognitive characteristics in argumentative essay writing. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research, 23*(3), 111–130.

Tung, S. A., Afnizul, A. N., Azizan, M., & Omar, S. K. (2024). Exploring writing difficulties in the composing process. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 13*(1), 2428–2449.

UNESCO. (2022). *Global education monitoring report: Multilingual education and linguistic diversity*.

Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2023). *Garis panduan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti*.

Vikneswary Rengasamy, & Suthagar Narasuman. (2022). Kekangan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan bahasa Tamil. *Jurnal Pendidikan Tamil Malaysia, 5*(1), 55–67.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

PROTOKOL TEMU BUAL SEPARA BERSTRUKTUR GURU BAHASA TAMIL

Tujuan Temu Bual

Temu bual ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian guru Bahasa Tamil.

Bahagian A: Maklumat Responden

A1. Jantina:
A2. Pengalaman mengajar Bahasa Tamil:
A3. Sekolah: (Dirahsiakan)
A4. Pengalaman mengajar karangan perbahasan di peringkat menengah atas:

Bahagian B: Soalan Temu Bual Guru

B1. Apakah masalah utama yang sering dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

B2. Pada pandangan anda, sejauh manakah murid mampu mengembangkan isi perenggan secara mendalam dan tersusun?

B3. Apakah kesukaran murid dalam menyusun isi, huraian dan contoh dalam satu perenggan perbahasan?

B4. Bagaimanakah tahap penguasaan kosa kata murid dalam penulisan karangan perbahasan?

B5. Sejauh manakah murid mampu memberikan contoh atau bukti sokongan yang relevan untuk mengukuhkan huraian?

B6. Apakah masalah tatabahasa dan struktur ayat yang sering menjejaskan kualiti karangan murid?

B7. Apakah faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan murid dalam mengembangkan isi karangan perbahasan?

B8. Apakah pendekatan pengajaran yang lazim digunakan untuk membantu murid menulis karangan perbahasan?

B9. Pada pandangan anda, apakah bentuk sokongan atau latihan yang paling diperlukan oleh murid untuk meningkatkan kemahiran mengembangkan isi?

B10. Cadangan anda untuk meningkatkan pengajaran penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

SOALAN UJIAN PRA

TINGKATAN 5

BAHASA TAMIL

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1 *Kertas soalan ini mengandungi* **satu soalan.**

2 *Jawab soalan tersebut.*

3 *Jawapan anda hendaklah dituliskan di dalam buku jawapan yang disediakan.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

<u>பொதுக்கட்டளை:</u>

இக்கேள்வித்தாள், பிரிவு அ பிரிவு கொண்டுள்ளது. கேள்விக்கு விடையளிக்க வேண்டும்.

பிரிவு ஆ : திறந்தமுடிவுக் கட்டுரை

[பரிந்துரைக்கப்படும் நேரம் : 1 *மணி*15 *நிமிடம்]*

250 *சொற்களில் ஓர் எழுத்துப்படிவத்தை எழுதுக.*

1. *தகவல் தொழில்நுட்பத்தினால் ஏற்படும் விளைவுகள்*

இத்தலைப்பில் விவாதக் கட்டுரை எழுதுக.

*[*70 *புள்ளி]*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

SOALAN UJIAN PASCA

TINGKATAN 5

BAHASA TAMIL

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1 *Kertas soalan ini mengandungi* **satu soalan.**

2 *Jawab soalan tersebut.*

3 *Jawapan anda hendaklah dituliskan di dalam buku jawapan yang disediakan.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

---

–

<u>பொதுக்கட்டளை:</u>

இக்கேள்வித்தாள், பிரிவு அ பிரிவு கொண்டுள்ளது. கேள்விக்கு விடையளிக்க வேண்டும்.

பிரிவு ஆ : திறந்தமுடிவுக் கட்டுரை

[பரிந்துரைக்கப்படும் நேரம் : 1 மணி 15 நிமிடம்]

250 *சொற்களில் ஓர் எழுத்துப்படிவத்தை எழுதுக.*

1. *தகவல் தொழில்நுட்பத்தினால் ஏற்படும் விளைவுகள்*

இத்தலைப்பில் விவாதக் கட்டுரை எழுதுக.

[70 புள்ளி]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

PERATURAN PEMARKAHAN KARANGAN PERBAHASAN SPM

கட்டு	
அடைவு நிலை	**வரைமானம்**
நனிசிறப்பு: **61-70** **மேற்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **67-70** **மையப் புள்ளி:** **66** **கீழ்க்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **61-65**	– எழுத்தாக்கம் **நனிசிறந்த முறையில்** தலைப்பை நிறைவு செய்வதாகவும் **மிகச் செம்மையுடையதாகவும்** இருக்கும். – கட்டமைப்பும் பத்திகளும் நனிசிறந்த முறையில் திட்டமிடப்பட்டு, நனிசிறந்த வகையில் தொடர்புடையனவாகவும் ஒத்திசைவோடும் விளங்கும். – முன்னுரையில் நனிசிறந்த முறையில் பொதுவான நிலைப்பாட்டைக் குறிப்பிட்டிருக்க வேண்டும். – கருத்துகள், விளைவுகள் (நன்மை, தீமை) என்ற அடிப்படையில் மிகச் சிறப்பாக விரிவாக்கம் செய்யப்பட்டு மிகத் தெளிவாகவும் கோவையாகவும் எழுதப்பட்டிருக்கும்; **முடிபு** எழுதப்பட்டிருக்கும். – கருத்துகள் ஏரணமாக எழுதப்பட்டிருப்பதோடு மிகப் பொருத்தமான சான்றுகளுடன் தனித்தன்மையை நிலைநாட்டும் வகையில் மிகச் சிறப்பாகவும் நன்முதிர்ச்சியுடனும் காணப்படும். – முடிவுரை நனிசிறந்த முறையில் நிலைப்பாட்டை உறுதி செய்வதாக அமைந்திருக்கும். – எழுத்தாக்கம் தலைப்புக்கு ஏற்ப மிகப் பொருத்தமான துறைசார் மொழியுடன் அமைந்திருக்கும். – மொழியணிகள் மிகப் பொருத்தமாகப் பயன்படுத்தப்பட்டிருக்கும். – இலக்கணப் பிழைகள் மிக அரிதாகக் காணப்படும்.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

சிறப்பு: **46-60** **மேற்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **54-60** **மையப் புள்ளி:** **53** **கீழ்க்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **46-52**	– எழுத்தாக்கம் **சிறந்த முறையில்** தலைப்பை நிறைவு செய்வதாகவும் **செம்மையுடையதாகவும்** இருக்கும். – கட்டமைப்பும் பத்திகளும் சிறந்த முறையில் திட்டமிடப்பட்டு, சிறந்த வகையில் தொடர்புடையனவாகவும் ஒத்திசைவோடும் விளங்கும். – முன்னுரையில் தலைப்புச் சிறந்த முறையில் விளக்கப்பட்டிருக்கும். பொதுவான நிலைப்பாட்டைக் குறிப்பிட்டிருக்க வேண்டும். – கருத்துகள் விளைவுகள் (நன்மை, தீமை) என்ற அடிப்படையில் சிறப்பாக விரிவாக்கம் செய்யப்பட்டுத் தெளிவாகவும் கோவையாகவும் எழுதப்பட்டிருக்கும்; **முடிபு** எழுதப்பட்டிருக்கும். – கருத்துகள் ஏரணமாக எழுதப்பட்டிருப்பதோடு பொருத்தமான சான்றுகளுடன் தனித்தன்மையை நிலைநாட்டும் வகையில் சிறப்பாகவும் முதிர்ச்சியுடனும் காணப்படும். – முடிவுரை சிறந்த முறையில் நிலைப்பாட்டை உறுதி செய்வதாக அமைந்திருக்கும். – எழுத்தாக்கம் தலைப்புக்கு ஏற்ப பொருத்தமான துறைசார் மொழியுடன் அமைந்திருக்கும். – இலக்கணப் பிழைகள் அரிதாகக் காணப்படும். – மொழியணிகள் பொருத்தமாகப் பயன்படுத்தப்பட்டிருக்கும்.
நன்று: **31 - 45** **மேற்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **39 - 45** **மையப் புள்ளி:** **38**	– எழுத்தாகக்ம தலைபபை **ஓரளவு** நிறைவு செய்வதாகவும், **ஓரளவு செம்மையுடையதாகவும்** இருக்கும். – கட்டமைப்பும் பத்திகளும் திட்டமிடப்பட்டு ஓரளவு தொடர்புடையனவாகவும் ஒத்திசைவோடும் விளங்கும். – முன்னுரையில் தலைப்பு ஓரளவு விளக்கப்பட்டிருக்கும்; பொதுவான நிலைப்பாட்டைக் குறிப்பிட்டிருக்க வேண்டும். – கருத்துகள், விளைவுகள் (நன்மை, தீமை) என்ற அடிப்படையில் ஓரளவு விரிவாக்கம் செய்யப்பட்டு ஓரளவு தெளிவாகவும் கோவையாகவும் எழுதப்பட்டிருக்கும்; **முடிபு** எழுதப்பட்டிருக்கும். – முடிவுரையில் ஓரளவு நிலைப்பாட்டைக் கூறியிருக்க வேண்டும்.
கீழ்க்கட்டுப் புள்ளிகள்: **31 - 37**	– ஏடல்கள் ஓரளவு முதிர்ச்சியுடனும் சான்றுகளுடனும் ஓரளவு முறையாக எழுதப்பட்டிருக்கும். – இலக்கணப் பிழைகள் குறைவாகக் காணப்படும். – மொழியணிகள் ஓரளவு பயன்படுத்தப்பட்டிருக்கும்.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

திருப்தி: **11 - 30** **மேற்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **21 - 30** **மையப் புள்ளி:** **20** **கீழ்க்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **11-19**	– எழுத்தாக்கம் **குறைந்த அளவில்** தலைப்பை நிறைவு செய்வதாக இருக்கும். – முன்னுரையில் தலைப்புக் குறைந்த அளவில் விளக்கப்பட்டிருக்கும். – கட்டமைப்பும் பத்திகளும் குறைந்த அளவில் திட்டமிடப்பட்டிருக்கும். பத்திகள் குறைந்த அளவில் தொடர்புடையனவாகவும் ஒத்திசைவோடும் விளங்கும். – கருத்துகள், விளைவுகள் (நன்மை, தீமை) என்ற அடிப்படையில் குறைந்த அளவில் விரிவாக்கம் செய்யப்பட்டிருக்கும். – கருத்துகள் குறைந்த அளவு ஏரணத்துடனும் சான்றுகளுடனும் காணப்படும். – முடிவுரை நிலைப்பாடின்றியும் தெளிவின்றியும் இருக்கும். – எழுத்தாக்கம் குறைந்த அளவு கற்பனை வளமின்றியும் துறைசார் மொழியின்றியும் இருக்கும். – இலக்கணப் பிழைகள் பரவலாகக் காணப்படும். – ஒரு சில மொழியணிகள் பயன்படுத்தப்பட்டிருக்கும்.
திருப்தி குறைவு: **1 -10** **மேற்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **6 -10** **மையப் புள்ளி:** **05** **கீழ்க்கட்டுப் புள்ளிகள்:** **0 - 4**	– எழுத்தாக்கம் தலைப்புக்குத் தொடர்பின்றியும் தரமின்றியும் இருக்கும். – கட்டமைப்பும் பத்திகளும் திட்டமிடப்படாமலும் தொடர்பற்றும் ஒத்திசைவின்றியும் விளங்கும். – முன்னுரையில் தலைப்பு விளக்கப்பட்டிருக்காது. – கருத்துகள் தெளிவின்றியும் பிறழ்ந்தும் காணப்படும். – கருத்துகள் ஏரணமின்றியும் சான்றுகளின்றியும் காணப்படும். – முடிவுரை தொடர்பின்றியும் நிலைப்பாடு இல்லாமலும் இருக்கும். – எழுத்தாக்கத்தில் கூறியது கூறல் நிகழ்ந்திருக்கும். – பல்வேறு வகையான வாக்கியங்களின் பயன்பாடும் இயைபும் இருக்காது. – இலக்கணப் பிழைகள் மலிந்து காணப்படும். – மொழியணிகளின் பயன்பாடு இருக்காது.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi